Mohammad Abdullah bin Mohamed lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO N-05(M)-328–08 TAHUN 2023
AHMAD ZAIDI IBRAHIM, AZMAN ABDULLAH AND AZMI ARIFFIN HHMR
30 JUN 2025

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tuduhan membunuh — Tertuduh membangkitkan pembelaan alibi — Tertuduh disabitkan bersalah dan dihukum gantung sampai mati atas kesalahan membunuh anak perempuannya yang berusia sembilan tahun — Sabitan dan hukuman oleh hakim bicara bersandarkan kepada keterangan saksi mata yang berusia 15 tahun — Tertuduh membangkitkan isu 'competency' saksi — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila gagal menjalankan siasatan awal terlebih dahulu sebelum memutuskan sama ada saksi kanak-kanak boleh memberi keterangannya secara bersumpah atau tidak bersumpah — Sama ada hakim bicara gagal menilai kes pembelaan — Sama ada pembelaan tertuduh adalah penafian semata-mata dan merupakan pemikiran terkemudian — Sama ada hukuman gantung sampai mati yang dijatuhkan oleh hakim bicara adalah setimpal — Akta Keterangan 1950 s 133A — Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 — Kanun Keseksaan s 302

Ini merupakan kes bunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan yang didakwa dilakukan oleh seorang ayah ('tertuduh') ke atas anak perempuannya yang berusia sembilan tahun ('si mati'). Kejadian yang menyayat hati ini berlaku pada 31 Januari 2018, di antara jam 8.30 malam hingga 11.30 malam di rumah tertuduh ('rumah tersebut') yang terletak di dalam daerah Port Dickson. SP18 yang merupakan abang si mati merupakan saksi mata yang melihat apa yang berlaku pada hari kejadian. Berdasarkan penceritaan SP18, dia dan si mati telah didenda untuk melakukan tekan tubi dan bangkit tubi sebanyak 500 kali oleh tertuduh kerana tidak solat dan apabila si mati tidak larat untuk meneruskan hukuman tersebut, tertuduh telah memijak perut si mati, menolak si mati dengan kaki, menendang si mati dengan kuat sehingga terkencing serta mangangkat si mati dan mencampak si mati di atas tilam di ruang tamu rumah tersebut. SP18 juga menyatakan bahawa sewaktu kejadian, ibu tirinya ('SP17') dan dua adiknya (Aiman dan Amjad) berada di dalam bilik tidur. Setelah hakim Mahkamah Tinggi ('hakim bicara') mendapati kes prima facie dibuktikan, tertuduh diarahkan untuk membela diri. Dalam pembelaannya, tertuduh menafikan penglibatannya dalam pembunuhan tersebut dan menuduh SP17 yang telah mencederakan dan mendera si mati semasa tertuduh keluar dari rumah pada malam kejadian untuk membeli barang. Selain itu, tertuduh juga membangkitkan kemungkinan bahawa bekas

isteri tertuduh (SP16) yang telah menghasut SP18 untuk memberi keterangan bahawa tertuduh yang telah memukul dan mendera si mati. Hakim bicara mendapati pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh adalah penafian semata-mata dan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah. Justeru itu, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Hakim bicara seterusnya telah mensabitkan tertuduh bersalah dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas tertuduh. Terkilan dengan keputusan tersebut, tertuduh memfailkan rayuan semasa. Isu pertama yang dibangkitkan oleh tertuduh adalah berkaitan kecekapan SP18 ('the competency of SP18'). Peguam tertuduh berhujah bahawa hakim bicara sepatutnya menjalankan siasatan awal ('preliminary inquiry') terlebih dahulu sebelum memutuskan sama ada SP18 yang merupakan saksi kanak-kanak boleh memberi keterangannya secara bersumpah atau tidak bersumpah. Isu kedua yang dibangkitkan oleh tertuduh adalah mengenai kegagalan hakim bicara untuk menilai dan mengupas kes pembelaan secara keseluruhan. Peguam tertuduh berhujah bahawa pembelaan tertuduh bukanlah suatu pemikiran terkemudian ('afterthought'). Hakim bicara dikatakan telah gagal untuk meneliti cabaran-cabaran yang telah diletakkan kepada saksi-saksi pendakwaan terutamanya kepada SP9 (pakar perubatan forensik yang menjalankan bedah siasat), SP14, SP17, SP18 dan SP19 sejak di peringkat kes pendakwaan lagi.

Diputuskan, menolak rayuan tertuduh terhadap sabitan dan hukuman, dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi:

(1) Berdasarkan kepada keputusan autoriti-autoriti duluan, sudah terang lagi bersuluh bahawa s 133A Akta Keterangan 1950 tidak meletakkan suatu syarat wajib atau mandatori untuk hakim bicara atau pihak pendakwaan di dalam semua kes yang melibatkan saksi kanak-kanak mentah untuk mengadakan satu siasatan awal bagi menentukan takat kompetensi seseorang saksi kanak-kanak. Hakim bicara mempunyai budi bicara untuk menerima keterangan seseorang saksi kanak-kanak yang masih mentah sekiranya pada pendapatnya kanak-kanak itu memahami apa sebenarnya sesuatu sumpah itu (lihat perenggan 67).

(2) Mahkamah amat menyedari bahawa maksud 'tender years'/'kanak-kanak dalam usia yang mentah' tidak ditakrifkan dalam Akta Keterangan 1950. Namun begitu, SP18 sudah pun berumur 15 tahun semasa memberikan keterangannya di Mahkamah Tinggi. Mengenai tahap kompetensi atau kefahaman SP18, daripada penelitian mahkamah terhadap keseluruhan keterangan yang diberikan oleh SP18 semasa pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula, mahkamah mendapati SP18 memiliki kecerdikan yang mencukupi (*sufficient intelligence*). Oleh itu, kegagalan hakim bicara untuk mengadakan prosiding 'preliminary inquiry' tidak fatal sama sekali (lihat perenggan 64).

(3) Nota prosiding yang dirakamkan jelas menunjukkan bahawa SP18 memahami sumpah yang diangkatnya sebelum SP18 mula memberikan keterangannya di mahkamah. Dengan pemahaman tersebut, mahkamah tidak nampak di mana timbulnya keperluan untuk suatu siasatan awal diadakan oleh hakim bicara bagi menentukan tahap kompetensi saksi kanak-kanak ini. Oleh itu, mahkamah tidak dapat melihat di mana wujudnya prejudis atau berlakunya ketidakadilan yang substansial kepada tertuduh di atas kegagalan Mahkamah Tinggi untuk mengadakan siasatan awal sebelum keterangan SP18 dirakamkan. Nyata isu yang dibangkitkan oleh peguam tertuduh ini adalah tidak bermerit dan seharusnya ditolak (lihat perenggan 68–69).

(4) Mahkamah mendapati dakwaan peguam tertuduh bahawa hakim bicara gagal untuk menilai kes pembelaan adalah tidak benar sama sekali. Ulasan kes pembelaan ada dibuat oleh hakim bicara dan ini boleh dilihat di ms 25 hingga 27, perenggan 34 hingga 36 alasan penghakiman hakim bicara. Oleh yang demikian, dakwaan peguam tertuduh mengenai isu kedua ini adalah tidak bermerit dan ditolak. Sebagai tambahan, mahkamah menegaskan bahawa keterangan tertuduh bukan sahaja tidak boleh dipercayai dan meragukan malah tertuduh juga gagal untuk meletakkan versi pembelaan seawal mungkin kepada saksi-saksi pendakwaan di peringkat kes pendakwaan (lihat perenggan 71–72).

(5) Keterangan SP9 menunjukkan bahawa terdapat pendarahan yang banyak di dalam kaviti abdomen berpunca daripada kecederaan pada organ hati, organ pankreas dan kawasan peri-renal ginjal. Kecederaan ini secara lazimnya menyebabkan kematian. Kecederaan-kecederaan pada organ-organ ini adalah disebabkan oleh kudrat dari objek tumpul seperti batu, kayu, tendangan, tumbukan, pijakan dan seumpamanya. lanya diakibatkan oleh kudrat yang kuat dan mungkin dilakukan berkali-kali. SP9 juga menyatakan kecederaan tersebut boleh diakibatkan oleh seorang dewasa. Kecederaan dalaman tersebut adalah tidak mungkin sama sekali dilakukan oleh perlakuan si mati atau akibat si mati terjatuh. Adalah jelas bahawa keterangan SP9 di atas telah menyokong serta menguatkan lagi keterangan SP18 (lihat perenggan 83–85).

(6) Pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh adalah bersifat alibi. Tertuduh di dalam keterangannya menyatakan bahawa pada masa kejadian tersebut berlaku tertuduh berada di luar rumah dan tidak berada di tempat kejadian. Tertuduh menunding jari kepada SP17 yang dikatakan telah menyebabkan kecederaan dan kematian si mati. Namun begitu, tertuduh gagal untuk memberi notis kepada pihak pendakwaan untuk membolehkan pihak polis menjalankan siasatan terhadap alibi tersebut. Selain itu, tertuduh tidak pernah mencadangkan kepada SP17 (semasa SP17 memberikan keterangannya di peringkat pendakwaan) bahawa tertuduh ada keluar rumah untuk membeli roti dan dua bungkus

nasi. Tertuduh juga tidak pernah mencadangkan kepada SP18 bahawa tertuduh berada di luar rumah ketika kejadian tersebut berlaku. Oleh itu, pembelaan tertuduh hanyalah bersifat penafian semata-mata (*bare denial*) dan pemikiran terkemudian yang tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang menasabah (lihat perenggan 86 & 89–90).

(7) Disimpulkan, terdapat keterangan melimpah ruah yang mengaitkan penglibatan tertuduh dengan pembunuhan ini sepertimana yang telah diputuskan oleh hakim bicara. Setelah mahkamah meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan di peringkat kes pendakwaan dan juga di peringkat kes pembelaan, mahkamah mendapati bahawa keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan adalah sangat utuh dan tiada keraguan munasabah yang berjaya ditimbulkan oleh pihak pembelaan terhadap kebenaran kes pendakwaan tersebut. Jelas, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah. Dengan itu mahkamah sebulat suara mendapati tiada merit di dalam rayuan terhadap sabitan bagi mewajarkan campurtangan mahkamah terhadap keputusan hakim bicara (lihat perenggan 87 & 108–109).

(8) Ini adalah suatu kejadian pembunuhan yang sangat menyayat hati dan menyentuh perasaan. Mahkamah katakan sebegitu kerana anak perempuan tertuduh yang hanya berusia sembilan tahun telah diperlakukan secara zalim oleh ayahnya sendiri dan akhirnya anak kecil ini mati akibat perbuatan ayahnya sendiri. Kematian yang berlaku ini adalah sesuatu yang amat menyeksakan. Oleh itu, hukuman berat sewajarnya dikenakan sebagai amaran keras dan pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat umum agar jangan sesekali terlibat melakukan kesalahan bunuh sekejam ini kepada sesiapa sekali pun apatah lagi kepada darah daging sendiri. Mahkamah menyedari tentang budi bicara mahkamah di bawah Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846), namun setelah menimbangkan faktor-faktor peringanan dan pemberatan serta memperhalusi semua sudut fakta dan perundangan, mahkamah memutuskan untuk menolak rayuan tertuduh dan mengekalkan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara (lihat perenggan 111, 114–115 & 117–119).

[English summary

This was a case of murder under s 302 of the Penal Code allegedly committed by a father ('the accused') on his nine-year-old daughter ('the deceased'). This heartbreaking incident occurred on 31 January 2018, between 8.30pm and 11.30pm at the accused's house ('the house') located in the Port Dickson district. SP18, who was the deceased's brother, was an eyewitness to what happened on the day of the incident. Based on SP18's account, he and the deceased were directed to do 500 push-ups and sit-ups by the accused for not praying and when the deceased was unable to continue with the punishment,

the accused stepped on the deceased's stomach, pushed the deceased with his feet, kicked the deceased so hard that she urinated and lifted the deceased and threw her on the mattress in the living room of the house. SP18 also stated that at the time of the incident, his stepmother ('SP17') and two brothers (Aiman and Amjad) were in the bedroom. After the High Court judge ('the trial judge') found that a prima facie case had been proven, the accused was directed to enter his defence. In his defence, the accused denied his involvement in the murder and accused SP17 of having injured and abused the deceased when the accused left the house on the night of the incident to buy goods. In addition, the accused also raised the possibility that the accused's ex-wife ('SP16') had incited SP18 to give evidence that the accused had beaten and abused the deceased. The trial judge found that the defence raised by the accused was a mere denial and did not raise any reasonable doubt. Therefore, the trial judge ruled that the prosecution had succeeded in proving its case beyond reasonable doubt. The trial judge subsequently convicted the accused and sentenced the accused to death by hanging. Aggrieved by the decision, the accused filed the present appeal. The first issue raised by the accused was related to the competency of SP18. The accused's counsel argued that the trial judge should have conducted a preliminary inquiry first before deciding whether SP18, who was a child witness, could give his testimony under oath or not. The second issue raised by the accused was regarding the trial judge's failure to assess and examine the defense case as a whole. The accused's counsel argued that the accused's defense was not an afterthought. It was argued that the trial judge had failed to examine the challenges that had been placed on the prosecution witnesses since the stage of the prosecution case especially SP9 (the forensic medical expert who conducted the post mortem), SP14, SP17, SP18 and SP19.

Held, dismissing the accused's appeal against conviction and sentence, and upholding the decision of the High Court:

(1) Based on previous case authorities, it was clear and evident that s 133A of the Evidence Act 1950 did not impose a mandatory requirement on the trial judge or the prosecution in all cases involving a child witness to conduct a preliminary inquiry to determine the extent of the child witness's competency. The trial judge had the discretion to accept the evidence of a child witness who was still of tender age if in his opinion the child understood what an oath actually meant (see para 67).

(2) The court was well aware that the meaning of 'tender years'/'children of tender age' was not defined in the Evidence Act 1950. However, SP18 was already 15 years old when he gave his evidence in the High Court. Regarding the level of competency or understanding of SP18, from the court's examination of the entire evidence given by SP18 during examination-in-chief, cross-examination and re-examination, the court found that SP18 had sufficient intelligence. Therefore, the trial judge's

failure to hold a 'preliminary inquiry' proceeding was not fatal at all (see para 64). A

(3) The recorded notes of proceedings clearly showed that SP18 understood the oath he took before SP18 began giving his evidence in court. With that understanding, the court did not see where the need arose for a preliminary inquiry to be held by the trial judge to determine the level of competency of this child witness. Therefore, the court did not see any prejudice or substantial injustice to the accused in the High Court's failure to hold a preliminary inquiry before SP18's evidence was recorded. Clearly, the issue raised by the accused's counsel was without merit and should be dismissed (see paras 68–69). B C

(4) The court found that the allegation by the accused's counsel that the trial judge failed to assess the defence case was completely untrue. The defence case was reviewed by the trial judge and this could be seen on pp 25 to 27, paras 34 to 36 of the trial judge's grounds of judgment. Therefore, the allegation by the accused's counsel on this second issue was without merit and was dismissed. In addition, the court stressed that the accused's evidence was not only unreliable and dubious but also that the accused failed to put the defence version to the prosecution witnesses as early as possible at the prosecution case stage (see paras 71–72). D E

(5) SP9's evidence showed that there was extensive bleeding in the abdominal cavity resulting from injuries to the liver, pancreas and peri-renal area of the kidney. These injuries usually cause death. The injuries to these organs were caused by the force of blunt objects such as stones, sticks, kicks, punches, steps and the like. They were caused by strong force and may have been done repeatedly. SP9 also stated that the injuries could have been caused by an adult. The internal injuries were completely unlikely to have been caused by the deceased's actions or as a result of the deceased falling. It was clear that SP9's evidence above had supported and strengthened the evidence of SP18 (see paras 83–85). F G

(6) The defence raised by the accused was of the nature of an alibi. The accused in his statement stated that at the time of the incident the accused was outside the house and was not at the scene of the incident. The accused argued that it was SP17 who had caused the injuries and death of the deceased. However, the accused failed to give notice to the prosecution to enable the police to conduct an investigation into the alibi. In addition, the accused never suggested to SP17 (when SP17 gave her evidence at the prosecution stage) that the accused had gone out to buy bread and two packets of rice. The accused also never suggested to SP18 that the accused was outside the house when the incident occurred. Therefore, the accused's defence was merely of bare denial and afterthought which did not raise any reasonable doubt (see paras 86 & 89–90). H I

(7) In conclusion, there was overwhelming evidence linking the accused to this murder as decided by the trial judge. After the court examined the entire evidence presented during the stage of the prosecution case and the defence case, the court found that the evidence presented by the prosecution witnesses was very solid and no reasonable doubt was raised by the defence against the truth of the prosecution case. Clearly, the prosecution had succeeded in proving its case beyond reasonable doubt. Therefore, the court unanimously found that there was no merit in the appeal against conviction to justify the court's interference with the trial judge's decision (see paras 87 & 108–109).

(8) This was a very heartbreaking and touching murder case. The court said so because the accused's daughter, who was only nine years old, was treated cruelly by her own father and eventually this little girl died as a result of her own father's actions. This death was very painful. Therefore, a severe sentence should be imposed as a stern warning and lesson to the accused and the general public to never be involved in committing such a cruel murder against anyone, let alone their own flesh and blood. The court was aware of the court's discretion under the Abolition of Mandatory Death Penalty Act 2023 (Act 846), but after considering the mitigating and aggravating factors and examining all the factual and legal aspects, the court decided to dismiss the accused's appeal and uphold the sentence imposed by the trial judge (see paras 111, 114–115 & 117–119).]

Kes-kes yang dirujuk

DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)
Kurchang Singh Wedhawa Singh v PP [1989] MLJU 3; [1989] 2 CLJ 442, MT (dirujuk)
Mohammad Zulkarnain bin Jemat v PP [2016] MLJU 466; [2016] 1 LNS 54, MR (dirujuk)
Mohd Nahar bin Abu Bakar v PP [2014] 2 MLJ 373, MR (dirujuk)
Muhammad Adib Sufyan bin Azman v PP [2019] 10 MLJ 475; [2019] 8 CLJ 261, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan [2014] 1 MLJ 363; [2013] 8 CLJ 359, MR (dirujuk)
PP v Chan Wai Heng [2008] 5 MLJ 798, MR (dirujuk)
PP v Lim Chooi Huat & Anor [2011] MLJU 852, MT (dirujuk)
R v Baskerville [1916] 2 KB 658, MR (dirujuk)
Robin Radjaini Saih @ Amjan Patta v PP [2024] 6 MLJ 773, MR (dirujuk)
Shamsinar bin Abdul Halim lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan [2018] 4 MLJ 734; [2018] 1 LNS 422, MR (dirujuk)
Steven Pangiraja & Ors v PP [2014] 4 CLJ 418, MR (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174; [1976] CLJU 159; [1976] 1 LNS 159, MP (dirujuk)

Thiagarajan Selvam lwn PP [2014] 1 LNS 1796, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 118, 133, 133A
Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023
Kanun Keseksaan s 302

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No NA-46B-1–07 Tahun 2018 (Mahkamah Tinggi, Seremban)

Afifuddini Ahmad Hafifi (Aina Melina bersamanya) (Salehuddin Saidin & Assoc) bagi pihak perayu.
Asmah Musa (Solehah Noratikah Ismail bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.

Azmi Ariffin HMR:

MUKADIMAH

[1] Pendakwaan terhadap perayu bermula di Mahkamah Tinggi Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus terhadap pertuduhan pindaan berikut:

> Bahawa kamu, pada 31 Januari 2018, jam di antara 8.30 malam hingga 11.30 malam di alamat No 338, Jalan Vista Jaya 5, Taman Vista Jaya, Lukut, di dalam daerah Port Dickson, di dalam negeri, Negeri Sembilan, telah melakukan bunuh, dengan menyebabkan kematian terhadap Nur Aina Nabihah binti Mohammad Abdullah (No K/P: 091208-06-0034). Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Perayu tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan pindaan tersebut dan memohon untuk dibicarakan. Seramai 19 orang saksi pendakwaan telah dipanggil untuk memberikan keterangan.

[3] Pada akhir kes pendakwaan, 29 September 2022 hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan suatu kes prima facie terhadap perayu dan memanggil perayu untuk membela diri terhadap pertuduhan pindaan tersebut.

[4] Perayu (SD1) memilih untuk memberikan keterangannya secara bersumpah di kandang saksi. Selain daripada perayu tiada saksi lain yang dipanggil oleh pihak pembelaan.

[5] Pada akhir kes pembelaan, 22 Ogos 2023 hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana mendapati perayu bersalah dan disabitkan terhadap pertuduhan

pindaan tersebut. Perayu telah dijatuhi hukuman gantung sampai mati.

[6] Terkilan dengan keputusan tersebut, pada 23 Ogos 2023, perayu memfailkan satu notis rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap sabitan dan hukuman tersebut.

[7] Bagi memudahkan rujukan, selepas ini kami akan merujuk perayu sebagai tertuduh sepertimana panggilannya di Mahkamah Tinggi.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[8] Tertuduh adalah bapa kepada seorang kanak-kanak perempuan bernama Nur Aina Nabihah bt Mohammad Abdullah ('si mati') yang berusia lebih kurang sembilan tahun pada ketika kejadian ini berlaku.

[9] Si mati tinggal di rumah beralamat No 338, Jalan Vista Jaya 5, Taman Vista Jaya, Lukut, Port Dickson bersama tertuduh, Noor Fauziana bt Abu Bakar ('ibu si mati/SP17'), Muhammad Akmal Haziq bin Mohamad Abdullah ('abang si mati /SP18') dan dua orang adik tiri si mati iaitu Kanak-Kanak A dan Muhammad Amjat Basir.

[10] SP18 di dalam keterangannya menyatakan bahawa pada 31 Januari 2018, selepas pukul 8.30 malam, SP18 ketika itu berada di ruang tamu rumah tersebut bersama-sama si mati. Tertuduh yang juga berada di situ telah bertanyakan kepada SP18 dan si mati tentang denda yang mereka tidak solat pada hari Rabu. SP18 dan si mati hanya berdiam diri sahaja lalu tertuduh mendenda mereka berdua dengan menyuruh mereka membuat *pumping* dan *sit up* sebanyak 500 kali. SP18 dan si mati telah mematuhi arahan tertuduh dengan melakukan apa yang disuruh oleh tertuduh.

[11] Setelah si mati selesai melakukan *pumping* sebanyak 130 kali, si mati ada bertanya kepada tertuduh 'Ayah boleh tak kira dari 100 balik'. Tertuduh yang tidak faham soalan si mati telah meminta si mati supaya mengulangi kembali *pumping* tersebut. Tanpa membantah si mati telah membuat semula sebanyak 30 kali.

[12] Setelah si mati tidak larat membuat *sit up,* tertuduh telah memijak perut si mati dengan menggunakan sebelah kakinya. Pada masa kejadian ini berlaku, SP17 dan dua adik si mati berada di dalam bilik tidur.

[13] Tertuduh menyuruh si mati bangun tetapi si mati tidak larat kerana perutnya telah dipijak oleh tertuduh. Si mati cuba menahan dirinya daripada menangis namun tertuduh telah menyuruh si mati bangun tetapi si mati tidak

terdaya untuk bangun akibat perutnya dipijak oleh tertuduh. Tertuduh marah dan terus memijak lagi perut si mati.

[14] Tertuduh kemudiannya telah menolak si mati dengan kakinya dan tendang si mati dengan kuat sehingga menyebabkan si mati terkencing di dalam seluar di atas karpet di ruang tamu rumah tersebut. Si mati cuba bangun tetapi belum sempat si mati bangun, tertuduh telah memegang kaki dan tangan si mati, mengangkat si mati ke aras paras dada tertuduh dan mencampak si mati atas tilam bayi yang terletak di atas lantai di ruang tamu rumah tersebut.

[15] Tertuduh kemudiannya telah memegang kedua telinga si mati dan tarik ke atas dan menghantuk kepala si mati ke lantai. Selepas itu, si mati telah bangun dan berjalan menuju ke bilik air. Tertuduh telah bertindak menendang pula si mati dari belakang dan akibat tendangan itu si mati telah jatuh di tepi peti sejuk di ruang dapur rumah tersebut.

[16] Si mati tetap bangun dan di dalam keadaan yang lemah si mati berjalan juga menuju ke bilik air. Semasa di bilik air, si mati sekali lagi telah terjatuh pula di dalam bilik air. Melihatkan keadaan si mati terduduk dalam keadaan lemah di hadapan pintu bilik air, SP18 telah memanggil tertuduh untuk melihat keadaan si mati. Tertuduh telah datang menghampiri si mati dan pada masa itu si mati berada di dalam keadaan yang tidak bermaya.

[17] Tertuduh telah mengangkat si mati masuk ke bilik air dan membuka paip air untuk menyedarkan si mati. SP17 kemudiannya telah keluar daripada bilik tidur dan pergi ke dapur dan berhenti di hadapan pintu bilik air. SP17 masuk ke bilik air dan menutup paip air kerana takut si mati lemas. Tertuduh dan SP17 cuba menyedarkan si mati tetapi si mati masih berada di dalam keadaan sangat lemah.

[18] Si mati kemudiannya mula sedar namun si mati memberitahu dia tidak nampak tertuduh dan SP17. Tertuduh dan SP17 mengangkat si mati untuk menyuruh si mati bangun tetapi si mati telah terbatuk lalu tertuduh dan SP17 menyuruh si mati mengeluarkan kahak tetapi tidak keluar. Tertuduh kemudiannya telah mengangkat si mati dengan memeluk perut si mati dengan kuat lalu telah terkeluar kahak dari mulut si mati.

[19] Tertuduh dan SP17 kemudiannya menukar baju si mati dan tertuduh meminta SP18 untuk menghidupkan kereta. Tertuduh telah mengangkat si mati masuk ke dalam kereta dan si mati diletakkan di bahagian tempat duduk belakang kereta tersebut. Pada ketika itu si mati berada di dalam keadaan tidak sedarkan diri.

[20] Tertuduh dan SP18 telah membawa si mati ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan di sana, si mati kemudiannya disahkan meninggal dunia.

[21] Bedah siasat yang dijalankan oleh Dr Hanif bin Mahmud ('SP9'), pakar perubatan forensik Hospital Tuanku Jaafar Seremban mengesahkan bahawa si mati telah meninggal dunia berpunca dari 'kecederaan di abdomen akibat objek tumpul' sepertimana yang terkandung di dalam laporan *post mortem* (eksh P28) yang disediakan sendiri oleh SP9.

[22] Laporan *post mortem* juga mengesahkan terdapat *32 kecederaan luka luaran* pada jasad si mati. Kecederaan-kecederaan luaran tersebut adalah seperti yang berikut:

Di Bahagian Kepala:

1. Lebam di bahagian atas kepala berukuran 3 x 1cm;
2. Lebam berganda di bahagian dahi sebelah kanan merangkumi 6.5 x 2cm;
3. Lebam di dahi sebelah kanan berdekatan garis tengah berukuran 1 x 1cm;
4. Lebam di dahi, antara di antara kening berukuran 1 x 0.3cm;
5. Lebam di bahagian atas kelopak mata kiri berukuran 2.5 x 1cm;
6. Lebam berganda di pipi bahagian kiri merangkumi 3cm x 2cm;
7. Luka abrasi atau 'abrasion wound' di bahagian pipi kanan berukuran 2 x 0.1cm;
8. Lebam linear di bahagian pipi kanan berukuran 4 x 0.2cm berkedudukan lebih rendah dari luka nombor (7);
9. Lebam di bahagian kanan dagu berukuran 2 x 0.5cm;
10. Lebam di hujung kiri mulut berukuran 2 x 0.5cm;
11. Lebam di bahagian dalam bibir sebelah atas berukuran 1.5 x 0.2cm;
12. Luka 'abrasion wound' di bahagian dalam bibir atas berukuran 2 x 1cm;
13. Luka 'abrasion' dikelilingi lebam di bahagian dalam bibir bawah
14. Luka 'abrasion' di bahagian dalam bibir bawah sebelah kiri berukuran 0.5 x 0.2cm;
15. Lebam di bahagian tengkuk sebelah kiri berukuran 3 x 1cm; dan
16. Kesan gigitan di leher sebelah kiri berukuran 4 x 3cm.

Di Bahagian Badan:

17. Lebam di bahagian kanan dada sebelah atas berukuran 5 x 4cm;
18. Luka abrasi linear atau 'linear abrasion wound' berukuran 1 x 0.1cm di puting dada kiri;
19. Lebam di abdomen, di sebelah kanan pusat, berukuran 5 x 0.5cm;

20. Lebam di bahagian sisi kanan abdomen berukuran 9 x 8cm; dan

21. Lebam berganda di bahagian sisi kiri abdomen merangkumi 10 x 5cm.

Di Bahagian Anggota Kaki dan Tangan

22. Lebam di lengan atas kiri berukuran 0.5 x 0.5cm;

23. Lebam di lengan bawah kiri berukuran 8 x 3cm;

24. Lebam di buku lima jari telunjuk kiri berukuran 1 x 0.4cm;

25. Lebam di buku lima jari tengah kiri berukuran 1 x 1cm;

26. Lebam di siku kanan berukuran 2 x 1cm;

27. Luka 'abrasion' di siku kanan berukuran 1.5 x 1cm;

27. Luka 'abrasion' di siku kanan berukuran 1.5 x 1cm;

28. Lebam di belakang tapak tangan kanan berukuran 1 x 1cm;

29. Lebam berganda di bahagian peha kiri merangkumi 5 x 1.5cm;

30. Luka 'abrasion' berkeruping di peha kiri berukuran 0.7 x 0.7cm;

31. Lebam di bahagian peha kanan sebelah belakang berukuran 2.5 x 0.2cm; dan

32. Lebam di keting kanan atau 'right shin' berukuran 1.5 x 1 cm.

[23] Laporan *post mortem* juga mengesahkan terdapat *kecederaan di bahagian dalaman* si mati. Kecederaan-kecederaan dalaman tersebut adalah seperti yang berikut:

Di Bahagian Kepala

Pemeriksaan dalaman di bahagian kepala menunjukkan terdapat pendarahan subgaleal berganda di bahagian kulit kepala oksipital merangkumi 12 x 5cm.

Terdapat juga terdapat pendarahan subgaleal pada bahagian kulit kepala oksipital sebelah kiri berukuran 3 x 2cm.

Di Bahagian Dada

Pemeriksaan dalaman bahagian dada mendapati kontusi pada otot dada sebelah kiri yang melapisi tulang rusuk kiri yang ke-dua hingga ke-lima;

Terdapat juga keretakkan pada tulang-tulang rusuk kiri dari tulang rusuk yang ke-dua hingga ke-lima di garisan tengah klavikel;

Otot interkostal antara tulang-tulang rusuk yang patah ini mengalami luka kontusi. Pemeriksaan juga mendapati keretakkan tulang rusuk kanan dari tulang yang ke-empat dan ke-lapan. Otot-otot interkostal antara tulang rusuk yang patah ini juga terdapat luka kontusi.

Di Bahagian Abdomen

Kaviti abdomen mengandungi darah sebanyak 600ml;

Terdapat luka abrasion pada permukaan usus besar melintang atau 'transverse colon', berukuran 5 x 3cm. Terdapat pendarahan meluas pada 'mesentery' dan juga 'mesocolon';

Organ hati terdapat luka 'laceration' pada lobus quadrate berukuran 6 x 3cm. Lobus kiri dikesan terdapat luka kontusi di bahagian dalam berukuran 6 x 3.5cm manakala lobus kanan dikesan terdapat luka 'laceration' berukuran 5 x 4.5cm;

Organ pankreas terdapat luka 'laceration' yang menyebabkan organ tersebut terbahagi dua kepada bahagian kepala dan bahagian badannya;

Organ limpa adalah seberat 60g, terdapat luka kontusi pada permukaan belakang organ ini;

Pemeriksaan kedua-dua belah organ ginjal pinggang mendapati ada pendarahan peri-renal atau 'peri-renal haemorrhage'.

Pemeriksaan dalaman menunjukkan terdapat pendarahan yang banyak di dalam kaviti abdomen. Pendarahan dalam abdomen ini, berpunca daripada kecederaan pada organ hati, organ pankreas dan kawasan peri-renal ginjal;

RINGKASAN PEMBELAAN TERTUDUH

[24] Tertuduh pernah berkahwin dengan Faizatonnur bt Hassan ('SP16/ibu si mati') pada tahun 2006 dan dikurniakan dengan dua cahaya mata iaitu SP18 dan si mati.

[25] Tertuduh dan SP16 bercerai pada tahun 2014.

[26] Pada tahun yang sama juga (2014), tertuduh berkahwin dengan SP17 dan dikurniakan dengan dua orang anak iaitu Kanak-Kanak A dan Kanak-Kanak B.

[27] SP18 dan si mati tinggal bersama tertuduh sekeluarga di rumah beralamat No 338, Jalan Vista Jaya 5, Taman Vista Jaya, Lukut, 71010 Port Dickson, Negeri Sembilan.

[28] Pada 31 Januari 2018, tertuduh bersama SP17, Kanak-Kanak A dan Kanak-Kanak B menghadiri satu pertandingan bowling manakala SP18 dan si mati tinggal berdua di rumah. Tertuduh, SP17 dan dua anak tirinya telah pulang ke rumah lebih kurang pukul 6.30 petang.

[29] Pada 31 Januari 2018 lebih kurang pukul 8 malam, SP18 dan si mati pergi mengaji dengan seorang perempuan Melayu yang tinggal berhadapan rumah mereka. SP18 dan si mati pulang dari mengaji pada lebih kurang pukul 8.30 malam.

[30] Pada 31 Januari 2018, lebih kurang jam 9 malam, SP17 beritahu tertuduh bahawa SP17 ingin masuk ke bilik untuk menguruskan kedua-dua anaknya iaitu Kanak-Kanak A dan Kanak-Kanak B. Selepas itu, tertuduh pun keluar dari rumah untuk membeli roti dan dua bungkus nasi.

[31] Lebih kurang pukul 10 malam, tertuduh pulang ke rumah dan tidak nampak si mati. Hanya SP18 sahaja yang berada di ruang tamu. Tertuduh telah menonton televisyen bersama SP18. SP17 pula berada di dalam bilik bersama anak-anaknya manakala si mati pula berada di dalam biliknya sendiri.

[32] Lebih kurang pukul 10.30 malam (tarikh yang sama) tertuduh telah pergi ke bilik si mati dan seperti biasa untuk membaca doa sebelum tidur. Apabila tertuduh masuk ke dalam bilik si mati, tertuduh nampak si mati sedang baring di atas katil. Tertuduh cuba kejutkan si mati beberapa kali kerana tertuduh fikirkan si mati telah tidur sebelum membaca doa. Namun si mati tidak memberikan apa-apa respon dan tidak sedarkan diri.

[33] Tertuduh memberikan bantuan CPR pada si mati namun tiada tindak balas. Selepas itu, SP17 telah datang untuk melihat si mati dan SP17 telah dukung si mati untuk mandikannya bagi tujuan untuk menyedarkan si mati.

[34] Menurut tertuduh, semasa SP17 dukung dan memandikan si mati, si mati masih hidup lagi kerana lepas memandikannya, si mati telah sedar dan pada masa itu SP17 telah tanya si mati apa yang telah berlaku. Si mati menjawab 'Baba tidak buat apa-apa'.

[35] Tertuduh menafikan ada memukul SP18 dan si mati jika tidak solat/sembahyang berkali-kali tetapi hanya menasihati mereka sahaja.

[36] Tertuduh menafikan telah memijak perut si mati namun disebaliknya si mati telah menahan pijakan tertuduh dengan menggunakan kedua-dua belah tangannya untuk menekap dadanya.

[37] Tertuduh menafikan telah menolak si mati dengan menggunakan kaki dan tendang si mati dengan kuat sehingga si mati terkencing di dalam seluar di atas karpet ruang tamu.

[38] Tertuduh menafikan sebelum si mati sempat bangun, tertuduh telah pegang kaki dan tangan si mati dan kemudiannya mengangkat si mati atas paras dada tertuduh dan mencampak si mati ke tilam bayi di atas lantai ruang tamu rumah tersebut.

[39] Tertuduh menafikan telah memegang kedua-dua telinga si mati, tarik

ke atas dan kemudian menghantukkan kepala si mati ke lantai.

[40] Tertuduh menafikan semasa si mati bangun dan cuba berjalan menuju ke bilik air, tertuduh telah menendang si mati dari belakang sehingga si mati terjatuh di tepi peti sejuk di ruang dapur rumah tersebut.

[41] Tertuduh tidak tahu kenapa SP18 memberi keterangan di mahkamah bahawa tertuduh yang memukul dan mendera si mati. Mungkin SP18 sangat sedih kerana adik perempuannya ('si mati') sudah meninggal dunia dan dia marah dengan tertuduh kerana tidak selamatkan adiknya. Mungkin juga kerana bekas isteri tertuduh yang menghasut serta mereka-reka cerita dan memaksa SP18 untuk menuduh tertuduh kerana bekas isteri tertuduh dan mertuanya sangat benci kepada tertuduh disebabkan oleh hak penjagaan.

[42] Tertuduh tidak tahu kenapa si mati mempunyai kecederaan kerana biasanya isteri tertuduh yang menjaganya di rumah apabila tertuduh tidak ada di rumah. Si mati hanya memberitahu tertuduh bahawa isterinya ada memarahinya dan memukulnya apabila si mati tidak mematuhi arahan ibu tirinya.

[43] Tertuduh percaya isterinya yang telah mencederakan dan mendera si mati semasa tertuduh keluar dari rumah pada malam kejadian untuk membeli barang.

[44] Tertuduh mengatakan jika si mati didera oleh tertuduh sudah pasti si mati akan menjerit dan menangis dan ini akan mengejutkan SP17 yang dikatakan berada di dalam bilik.

[45] Keterangan SP17 bahawa beliau berada di dalam biliknya dan tidak mendengar apa-apa adalah tidak munasabah.

[46] Tertuduh menafikan ada mengangkat si mati masuk ke dalam bilik air dan membuka paip air serta menyiram si mati untuk sedarkan si mati.

[47] Tertuduh menafikan apabila si mati tersedar, si mati ada beritahu bahawa si mati 'tidak nampak'.

[48] Tertuduh menafikan ada menyuruh si mati mengeluarkan kahak, ada mengangkat si mati, ada membuat CPR terhadap si mati dan ada menukar baju si mati.

[49] Tertuduh menafikan SP18 ada bersama tertuduh dari pukul 8.30 malam hingga 11.30 malam pada 31 Januari 2018.

[50] Tertuduh bersetuju ada bersama-sama SP18 dan si mati di ruang tamu pada pukul 8.30 malam tersebut.

RINGKASAN DAPATAN HAKIM MAHKAMAH TINGGI DI AKHIR KES PEMBELAAN

[51] Di antara alasan penghakiman hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana adalah seperti yang berikut:

(a) tertuduh (SD1) bukanlah merupakan seorang saksi yang jujur dan kredibel kerana tertuduh sering sahaja menuding jari mencari kesalahan orang lain seperti bekas isterinya ('SP16'), mertuanya, isterinya sendiri ('SP17') dan juga SP18;

(b) SP18 adalah saksi mata yang berada di tempat kejadian dan melihat sendiri perbuatan tertuduh mencederakan si mati tanpa belas kasihan sehingga menyebabkan kematian si mati ekoran kecederaan yang amat serius yang dialami oleh si mati;

(c) tiada keraguan bahawa tertuduh berada di dalam rumah tersebut pada tarikh dan masa kejadian sepertimana di dalam pertuduhan;

(d) tiada sebarang keterangan atau bukti yang dikemukakan oleh tertuduh untuk menunjukkan bahawa tertuduh ada keluar dari rumah tersebut untuk membeli barang selepas pulang dari satu pertandingan bowling;

(e) tertuduh juga gagal membawa bukti bagi menunjukkan tertuduh tiada di rumah tersebut selepas jam 8.30 malam pada hari kejadian;

(f) keterangan saksi mata iaitu SP18 yang berada di ruang tamu rumah tersebut dan melihat sendiri bagaimana tertuduh telah memijak perut, menolak si mati dengan kaki dan menendang si mati dengan kuat sehingga terkencing serta mengangkat si mati dan mencampak si mati di atas tilam di ruang tamu rumah tersebut tidak tercabar sama sekali;

(g) sikap tertuduh yang cuba menyembunyikan fakta sebenar mengenai kejadian yang menimpa si mati pada malam kejadian jelas membuktikan niat tidak baik tertuduh;

(h) keterangan SP18 yang mengatakan bahawa ibu tirinya iaitu SP17 sewaktu kejadian berada di dalam bilik tidur turut membuktikan pembohongan yang cuba dilakukan oleh tertuduh di dalam perbicaraan ini. Demi melepaskan dirinya daripada pertuduhan, tertuduh sanggup menuding jari ke arah SP17 yang merupakan isterinya sendiri sedangkan tiada keterangan yang menunjukkan penglibatan SP17 dalam kejadian mencederakan si mati pada hari kejadian tersebut;

(i) pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh merupakan suatu penafian semata-mata dan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah; dan

(j) pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN

[52] Seksyen 118 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan seperti yang berikut:

> *All persons are competent to testify unless they are, in the opinion of the court, unable to understand the questions put to them or unable to give rational answers to those questions owing to tender years, extreme old age, disease of mind or body, or any other such cause.*

[53] Rujukan juga dibuat kepada s 133A Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti yang berikut:

> 133A *Evidence of child of tender years*
>
> Where, in any proceedings against any person for any offence, any child of tender years called as a witness does not in the opinion of the court understand the nature of an oath, his evidence may be received, though not given upon oath, if, in the opinion of the court, he is possessed of sufficient intelligence to justify the reception of the evidence, and understands the duty of speaking the truth; and his evidence, though not given on oath, but otherwise taken and reduced into writing in accordance with section 269 of the Criminal Procedure Code shall be deemed to be a deposition within the meaning of that section:
>
> Provided that, where evidence admitted by virtue of this section is given on behalf of the prosecution, the accused shall not be liable to be convicted of the offence unless that evidence is corroborated by some other material evidence in support thereof implicating him.

Penghujahan Peguam Perayu:

(a) hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah terkhilaf apabila menerima masuk dan meletakkan pengantungan ke atas keterangan bersumpah SP18 tanpa melakukan prosiding 'preliminary inquiry' atau siasatan awal;

(b) hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah terkhilaf apabila gagal membuat dapatan bahawa kecekapan atau competency SP18 telah tercabar disebabkan kegagalan dalam melakukan prosiding 'preliminary inquiry' terhadap SP18 bagi menguji sama ada SP18 memahami sifat angkat sumpah dan akibat daripada angkat sumpah;

(c) hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal menilai keseluruhan pembelaan tertuduh khususnya kecederaan yang dialami oleh si mati dan ini telah memprejudiskan tertuduh serta pembelaannya;

(d) hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal untuk menilai dan mempertimbangkan pada tahap tertinggi perbuatan tertuduh hanyalah menjurus kepada 'culpable homicide not amounting to murder' dan di atas alasan tersebut sabitan di bawah s 302 Kanun Keseksaan terhadap tertuduh adalah tidak selamat.

KEPUTUSAN KAMI

Kompetensi SP18 sebagai saksi kanak-kanak

[54] Menyentuh mengenai isu pertama berkaitan kecekapan atau *competency* SP18, peguam tertuduh yang bijaksana menghujahkan bahawa hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana sepatutnya menjalankan 'preliminary inquiry' atau siasatan awal terlebih dahulu sebelum memutuskan sama ada SP18 yang merupakan saksi kanak-kanak boleh memberi keterangannya secara bersumpah atau tidak bersumpah. Ini adalah kerana SP18 masih merupakan seorang kanak-kanak mentah berusia 11 tahun semasa kejadian dan berumur 15 tahun semasa memberikan keterangannya di Mahkamah Tinggi. SP18 seharusnya dinilai dahulu melalui pertanyaan atau dijalankan siasatan oleh Mahkamah Tinggi bagi menentukan sama ada SP18 memahami sifat angkat sumpah dan akibat sumpah yang diangkatnya itu. Dengan lain perkataan peguam tertuduh menghujahkan bahawa s 133 Akta Keterangan 1950 ini terpakai kepada semua kanak-kanak.

[55] Namun begitu, bagi kes ini peguam tertuduh menghujahkan bahawa hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah terkhilaf apabila gagal untuk menilai tahap kompetensi SP18 dengan meletakkan pergantungan sepenuhnya terhadap keterangan SP18 untuk mensabitkan tertuduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan dengan hanya bersandarkan kepada kredibiliti SP18 dalam memberikan keterangannya. Kegagalan berbuat demikian telah menyebabkan berlakunya salah arah dan ketidakadilan yang substantial kepada tertuduh.

[56] Bukan itu sahaja, dihujahkan juga bahawa setakat mempunyai kecerdikan atau keupayaan intelektual dalam memberikan jawapan yang munasabah dan rasional semata-mata adalah tidak mencukupi bagi hakim Mahkamah Tinggi untuk menerima masuk keterangan SP18 secara bersumpah. Apatah lagi apabila sabitan yang dikenakan oleh hakim Mahkamah Tinggi terhadap tertuduh bergantung sepenuhnya kepada keterangan SP18. Justeru itu, sabitan di bawah s 302 Kanun Keseksaan adalah tidak selamat apabila hakim Mahkamah Tinggi meletakkan sepenuh pergantungan kepada keterangan SP18 tanpa ujian kompetensi dijalankan dalam penentuan tahap kompetensi SP18.

[57] Peguam tertuduh yang bijaksana berpegang kepada beberapa autoriti-autoriti duluan yang di antaranya termasuklah kes *Mohd Nahar bin Abu Bakar v Public Prosecutor* [2014] 2 MLJ 373 dan *Muhammad Adib Sufyan bin Azman v Public Prosecutor* [2019] 10 MLJ 475; [2019] 8 CLJ 261. Rujukan juga dibuat oleh peguam tertuduh kepada kes *Mohammad Zulkarnain bin Jemat v Public Prosecutor* [2016] MLJU 466; [2016] 1 LNS 54 di mana Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Abdul Aziz Abdul Rahim (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

> [123] It is also to be noted that PW5's testimony was given under oath. But PW6's testimony was not under oath because prior to giving evidence the learned session court judge had conducted enquiry pursuant to s 133A of the Evidence Act 1950 to determine whether PW6 was capable of understanding what 'oath' is and whether PW6 was able to understand the meaning of telling the truth under oath. However, there is no law that prohibits the court from accepting the evidence given in a witness box but not on oath if the court believes the evidence to be true ...

[58] Peguam tertuduh juga membawa perhatian ke mahkamah ini kepada kes *Robin Radjaini Saih @ Amjan Patta v Public Prosecutor* [2024] 6 MLJ 773, di mana Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Wong Kian Kheong HMR menyatakan seperti yang berikut:

> On 24 April 2018, PW9 was 12 years old. When PW9 testified in this case, he was almost 15 years old. With regard to PW9's evidence — (1) the learned High Court judge questioned PW9 in court and found that PW9 understood the nature and solemnity of the oath. This means that the High Court was satisfied that PW9 was competent to testify as understood in s118 of the Evidence Act 1950 ('the EA').

[59] Kami telah mengambil memperhalusi ikatan autoriti-autoriti duluan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Setelah kami meneliti rekod prosiding, kami mendapati hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana tidak ada membuat apa-apa siasatan awal bagi menentukan kompetensi SP18 sebelum SP18 memberikan keterangannya. Ini jelas tertera di dalam Nota Prosiding Kandungan 10 Rekod Rayuan 2(1) yang merekodkan seperti yang berikut:

> Masa: 11.40 pagi (18 April 2022)
>
> Kes dipanggil semula.
>
> TPR: Dengan izin Y Arif, pihak-pihak sama Y Arif.
>
> Pohon dipanggil SP18, Muhammad Akmal Haziq bin Mohamad. No 18 dalam Senarai Saksi, Y Arif.
>
> Saksi ada menyediakan Penyataan Saksi, Y Arif. Y Arif, sebelum saksi angkat sumpah, sekarang saksi berumur 15 tahun. Perlukan kita buat 'preliminary enquiry' untuk menentukan kefahaman saksi ini, Y Arif.
>
> Mah: Tak apa kita tengok. Sebenarnya 15 dah faham. Just to be safe.
>
> SP18

Nama: Muhammad Akmal Haziq bin Mohamad Abdullah

Umur: 15 tahun

Pekerjaan: Pelajar

Sekolah:

Bersumpah dan bercakap dalam Bahasa Melayu

PEMERIKSAAN UTAMA:

TPR: *Y Arif pohon direkodkan saksi faham sumpah dan tadi beliau telah mengangkat sumpah Y Arif.*

Mah: *Direkodkan.*

[60] Persoalan yang harus ditangani adalah sama ada tahap kompetensi SP18 wajib dinilai dan disiasat terlebih dahulu oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana melalui prosiding 'preliminary inquiry' bagi Mahkamah Tinggi membuat dapatan sama ada SP18 memahami sifat dan akibat angkat sumpah ataupun sebaliknya sebelum SP18 mula memberikan keterangannya sama ada secara bersumpah atau tidak secara bersumpah.

[61] Di dalam kes *Mohd Nahar bin Abu Bakar v Public Prosecutor* [2014] 2 MLJ 373, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Zawawi Salleh HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti yang berikut:

> [52] The learned trial judge had found that SP15 to be a witness of truth. We see no reason to disturb His Lordship's finding. SP15's evidence, considered with all other evidence, leads towards an irresistible inference that it was the appellant who was at the crime scene on that fateful day.
>
> [53] SP15 was 15 years old when she gave evidence. Section 133A of the Evidence Act 1950 provides that a conviction cannot stand on the uncorroborated evidence of an unsworn child (see *Public Prosecutor v Richard Devadasan a/l Sabariah* [2005] 3 MLJ 17).
>
> [54] In the instant case, as demonstrated above, there is ample evidence to support the prosecution's case. This evidence is independent testimony which affects the appellant by connecting him to the crime. In our considered view, SP15's evidence was only the icing to the cake. Therefore, learned counsel's submission that SP15' evidence was not corroborated is without merit.

[62] Di dalam kes *Steven Pangiraja & Ors v Public Prosecutor* [2014] 4 CLJ 418, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Hamid Sultan Abu Backer HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti yang berikut:

> [13] In the instant case it was contended before us the evidence of SP3 (the victim) and SP10 (her classmate) who witnessed the victim being dragged into the car were children and the learned trial judge did not conduct a preliminary inquiry to test the

competency of the witness as required under ss 118 and 133A of the Evidence Act 1950 ('the EA 1950'). We do not find any merit in this issue. Our reasons, inter alia, are as follows:

(a) *there is no requirement under the Act to conduct a preliminary inquiry though case laws require the competency to be tested for child of tender years and not child per se. The learned judge had carefully dealt with the evidence of the child according to law, and this is reflected in many parts of the judgment. (See paras 38–40 at pp 44–46 A/R).* (Penekanan ditambah.)

(b) s 118 of the EA 1950 only comes into issue if the court considers that a child of 'tender years' gives evidence. It is difficult to fathom how SP3 and SP10 who were school going and aged 15 years at the time of giving evidence will fall within the definition of 'tender years' stated in s 118 of the EA 1950 which reads as follows:

> 118. All persons shall be competent to testify unless the court considers that they are prevented from understanding the questions put to them or from giving rational answers to those questions by tender years, extreme old age, disease, whether of body or mind, or any other cause of the same kind.

(c) ...

(d) s 133A of the EA 1950 also relates to 'child of tender years'. Though there are sufficient material in the judgment to satisfy that the court has taken cognisance of s 133A, but again the evidence of SP3 and SP5 will not fall within the definition of 'Child of Tender Years' on the factual matrix of the instant case. In the instant case the learned judge has been extra cautious and was fully aware of the competency issues relating to 'sufficient intelligence', etc.

[63] Di dalam kes *Shamsinar bin Abdul Halim lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan* [2018] 4 MLJ 734; [2018] 1 LNS 422, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Kamardin Hashim HMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti yang berikut:

> [84] Mengenai kegagalan hakim bicara atau pihak pendakwaan mengadakan siasatan awal untuk menentukan tahap kepandaian SP11 memahami tentang keperluan untuk bercakap benar, s 133A Akta Keterangan 1950 menyatakan keperluan itu perlu dipenuhi sekiranya saksi itu seorang kanak-kanak yang masih mentah (*child of tender years*) dipanggil untuk memberi keterangan.
>
> [85] *Melalui pembacaan kami, s 133A tersebut bukanlah satu yang mandatori untuk hakim bicara atau pihak pendakwaan untuk mengadakan satu siasatan awal untuk menentukan takat kepandaian seseorang saksi kanak-kanak. Hakim bicara mempunyai budi bicara untuk menerima keterangan seseorang saksi kanak-kanak yang masih mentah sekiranya pada pendapat mahkamah kanak-kanak itu memahami apa sebenarnya sesuatu sumpah itu*. Dalam kes *Tajudin*, saksi kanak-kanak itu hanyak berusia sepuluh tahun semasa memberi keterangan dan dalam kes *Mohd Naki*, dua orang saksi kanak-kanak itu baru berusia 13 dan 14 tahun semasa memberi keterangan. *Di dalam kes di hadapan kami sekarang, SP11 telahpun mencapai usia*

17 tahun semasa memberi keterangan. Hakim bicara telah melaksanakan budi bicara kehakimannya dalam kes ini apabila membenarkan SP11 memberi keterangan secara bersumpah dengan tanpa perlu mengadakan siasatan awal untuk menentukan tahap kepandaian SP11 sama ada SP11 memahami keperluan untuk berkata benar. Walau apa pun, keterangan SP11 telah disokong oleh lain-lain keterangan daripada saksi-saksi SP9, SP10, SP13 dan SP15 terhadap identiti perayu kedua sebagai orang yang telah menembak si mati. (Penekanan ditambah.)

[64] Kami amat menyedari bahawa maksud 'tender years'/'kanak-kanak dalam usia yang mentah' tidak ditakrifkan dalam Akta Keterangan 1950. Namun begitu, SP18 sudah pun berumur 15 tahun semasa memberikan keterangannya di Mahkamah Tinggi. Mengenai tahap kompetensi atau kefahaman SP18, daripada penelitian kami terhadap keseluruhan keterangan yang diberikan oleh SP18 semasa pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula, kami mendapati SP18 memiliki kecerdikan yang mencukupi (*sufficient intelligence*). Oleh itu, pada hemat kami juga kegagalan hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana untuk mengadakan prosiding 'preliminary inquiry' tidak *fatal* sama sekali. Malah, tiada keperluan pun untuk siasatan awal ini dibuat kerana SP18 memahami sumpah yang diangkatnya. Mengikut nota prosiding yang dirakamkan pada 18 April 2022 jelas merekodkan bahawa SP18 faham akan sumpah yang diangkatnya sebelum SP18 mula memberikan keterangannya. Dengan itu, tiada sebab untuk kami meragui kefahaman SP18 terhadap sumpah yang dilafazkannya. Kami juga tidak meragui keseluruhan keterangan SP18 walaupun SP18 masih dikategorikan sebagai kanak-kanak.

[65] Di dalam kes *Public Prosecutor v Chan Wai Heng* [2008] 5 MLJ 798, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Heliliah HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

The accused/respondent had been charged and convicted by the sessions court under s 377C of the Penal Code. The complainant against whom the acts were alleged to have been perpetrated was a seven year old boy. The accused dissatisfied with the conviction and sentence had appealed to the High Court by contending that the trial judge in failing to record, expressly or more specifically, in the notes of evidence that he had found that a prima facie case had been made out against the accused at the conclusion of the case for the prosecution, had caused a miscarriage of justice which occasioned intervention. In addition, the accused had mounted a challenge on firstly the procedure applied by the sessions court judge in ascertaining the level of understanding of the complainant, a child witness, and secondly the nature of corroboration with regard to the child's testimony. The High Court allowed the appeal on the grounds that the sessions court had failed to observe the provision of s 173(f)(i) of the Criminal Procedure Code ('the CPC'); that s 133A of the Evidence Act 1950 ('the Act') had not been adhered to in that the evidence of the complainant, a child, had not been supported with corroborative evidence because the medical evidence which was supposed to corroborate the child's evidence was

inconsistent and inconclusive. This appeal by the prosecution was against the decision of the High Court in allowing the accused's appeal.

Held, allowing the appeal and restoring conviction and sentence determined by the sessions court judge:

(2) There is no set or fixed procedure to be observed in ascertaining the level of understanding of the child. However, it was clear from a scrutiny of the notes of evidence recorded by the sessions court judge that he had satisfied himself that the child witness did not comprehend the oath and thereafter embarked on a process of ascertaining the child's level of understanding. There did not appear to be any merit in the contention of the accused that in the process of ascertaining the competency of the child it is obligatory that the questions must have been posed by the sessions court judge himself as a prerequisite to the admissibility of the evidence, ie that there should be conducted a voir dire. This would not reflect the correct approach. The grounds of judgment and the notes of evidence of the sessions court judge have sufficiently disclosed that he had directed his mind to the requirements of s 133A of the Act before embarking on the process of permitting the prosecution to lead evidence on the acts that were committed on the complainant by the accused (see para 35).

[28] *In yet another decision Konst 115256 Ridzuan bin Ismail (Criminal App No 42–10 of 1994 — unreported) Ahmad Hj Maarop J (now JCA) dealt with a similar issue on the reception of the evidence of a witness who was then 15 years and the application of s 133A. He stated*:

Adalah jelas bahawa peruntukan di bawah seksyen tersebut hanya terpakai bagi seorang kanak-kanak yang berumur muda yang dipanggil sebagai saksi, yang pada pandangan mahkamah, tidak memahami sifat suatu sumpah. Dalam keadaan demikian, keterangan kanak-kanak tersebut boleh diterima walaupun tidak diberi dengan bersumpah, jika, dalam pandangan mahkamah, kanak-kanak itu mempunyai kecerdikan yang mencukupi untuk mewajarkan keterangannya diterima dan jika kanak-kanak tersebut memahami tanggungjawab untuk bercakap benar. Proviso kepada s 133A itu juga menyatakan bahawa keterangan yang diterima masuk di bawah s 133A itu tidak boleh digunakan untuk mensabitkan orang kena tuduh, melainkan keterangan itu disokong oleh keterangan lain yang mengaitkannya. Pendeknya, keterangan yang menyokong (*corroboration*) adalah satu keperluan yang wajib untuk membuat sabitan (*Sidek bin Ludan v Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 178, *Public Prosecutor v Mohd Nordin bin Abdullah* [1992] 1 CLJ 702). Di dalam menilai s 133A, s 118 Akta Keterangan hendaklah juga diambil kira. Seksyen 118 memperuntukkan bahawa semua orang adalah layak untuk memberi keterangan secara bersumpah melainkan mereka dihalang dari memahami soalan yang ditanya, atau dihalang dari memberikan jawapan yang rasional atas sebab umur muda mereka, umur mereka yang sangat tua, atau disebabkan oleh apa-apa penyakit. Tidak ada had umur tertentu yang ditetapkan untuk menentukan sama ada seorang kanak-kanak itu layak memberikan keterangan secara bersumpah, kerana kanak-kanak yang sama umur boleh mempunyai perkembangan mental dan kebolehan yang berbeza untuk memahami soalan-soalan serta memberi jawapan-jawapan rasional. *Oleh itu mahkamah mempunyai budi bicara untuk membuat kesimpulan sama ada seseorang*

kanak-kanak itu mempunyai pemahaman dan kecerdikan yang mencukupi untuk melayakkannya menjadi saksi yang kompetan dan untuk tujuan ini adalah tidak wajib bagi mahkamah itu menjalankan siasatan awal (lihat *R v Nafar* 41C 406; 18 CWN 147; 1939 2 Cal 569 *Lakhan v R* 20 P 898; A 1942 P 183 C). (Penekanan ditambah.)

[30] In *JV Wagh v State of Maharashtra* 1996 Cri LJ 803 Vishnu Sahai J who had to address a similar issue stated: Mr Mundargi, learned counsel for the appellant, made two submissions before me. He firstly urged that the prosecutrix was a young girl aged about eight years and the learned trial judge should have conducted her preliminary examination in order to ascertain in the level of understanding and only thereafter should have proceeded to record her statement. There can be no dispute that it would have been certainly better for the learned judge to have first conducted a preliminary examination of the prosecutrix by putting some questions to her and on the basis of answers given by her in reply to them satisfied himself whether she was possessed of sufficient understanding. However, the failure to hold a preliminary examination of a child witness does not introduce a fatal infirmity in the evidence.

I am fortified in my view by a Division Bench decision of the Allahabad High Court reported in *Ram Hazoor Pandey v State* 1959 Cri LJ 796, respondent, wherein in para 11 Their Lordships have observed thus: Although it is not necessary to have a preliminary examination, namely, voire dire, of a child witness in order to make his testimony admissible, nevertheless, such a course is desirable and should be resorted to, for it offers an opportunity to the court to assess the mental capacity of a child witness. The whole object of a preliminary examination is to ascertain the level of understanding of a witness. If the same can be assessed from the statement she gave in court, failure to record a preliminary examination would have no adverse bearing on the prosecution case. On a perusal of the statement of the prosecutrix, it is implicitly clear that she was possessed of sufficient understanding.

[32] In *Kabiraj Tudu v State of Assam* 1994 Cri LJ 432 (Gauhati High Court) UL Bhat CJ and DN Baruah J, the following statement is relevant: Section 118 of that Act is understood as taking in a child witness since reference is made to a person who by tender years is unable to understand the questions put to him or from giving rational answers to those questions. Section 118 of the Evidence Act and the proviso to s 4(1) of the Oaths Act deal with two different aspects. The former deals with competency to testify and the latter deals with competency to take an oath. Competency to testify depends on the witness's ability to understand questions put to him and to give rational answers to those questions. Competency under the Oaths Act depends on the witness's comprehension of the duty of speaking the truth and the nature of an oath or affirmation. Once a witness is found to be a competent witness, even if he is not competent to take an oath or if there is an omission to take an oath that will not invalidate the proceedings or render inadmissible the evidence. The rule generally is in favour of admission of evidence though the weight to be attached to it will naturally be a matter for consideration by the court. There is always competency unless the court considers otherwise. If a witness is not competent he will not be examined in court. In the case of a child, it depends on the capacity of the child, his appreciation of the difference between truth and falsehood as well as his duty to tell the former. The decision of this question rests with the trial

judge, who sees the proposed witness, notices his manner, his apparent possession, or lack of intelligence. The trial judge may resort to any examination which will tend to disclose the capacity and intelligence and in the case of an oath, his understanding of the obligation of an oath. See *Rameswar Kalyan Singh v State of Rajasthan* AIR 1952 SC 54; 1952 Cri LJ 547; *George L Wheeler v United States* 159 US 523; *Krishna Kahar v Emperor* AIR 1940 Cal 182; *Ram Hazoor Pandey v State* 1959 Cri LJ 796; *Basu v State of Kerala* 1960 ILR Ker 256 and *Ponnumani v State of Kerala* 1987 (2) Ker LT 1042. Oath or affirmation shall be made by all witnesses, the only exception being the case of a child under 12 years of age where the court is of the opinion that though he understands the duty of speaking the truth he does not understand oath or affirmation. If the court is so satisfied, oath will not be administered to the witness. The evidence will nevertheless be admissible. Whenever a witness appears before court, the court will proceed on the basis that he is competent to testify. When a witness is a person of tender years or extreme old age or a person who suffers from disease or other abnormality of the body or mind, the court is alerted to test his competency. Similarly, where a witness is a child the court is alerted on the need to decide whether oath can be administered. Ordinarily this satisfaction is to be arrived at by preliminary examination of the witness by the court. This does not mean that in the absence of preliminary examination the evidence becomes inadmissible since the general rule is in favour of the competency and satisfaction, if necessary, can be arrived in the course of the evidence. However, trial courts would do well to conduct preliminary examination to satisfy themselves in regard to the competency under s 118 of the Evidence Act as well as under the proviso to s 4(1) of the Oaths Act. It is highly desirable to bring on record the questions and answers put to the witness and to make a record of the satisfaction of the court. Even in the absence of specific record of preliminary questions or the satisfaction the appellate court could examine the nature and tenor of the evidence recorded, the manner in which the witness faced in cross-examination and satisfy itself about the competency under both the provisions. A child witness may or may not be fully matured. By virtue of his tender years he is susceptible to tutoring by persons interested in the case or by near relations. A child witness is susceptible to influence from such persons. It is therefore necessary that court should examine the evidence of child witness with care or caution bearing in mind the susceptibility and possible immaturity of the child. In *Rameswar Kalyan Singh v State of Rajasthan* AIR 1952 SC 54; 1952 Cri LJ 547 the court was considering the evidence of a child who was subjected to rape and the question whether the evidence of the rape on the child require corroboration. Vivian Bose J speaking for the court observed at p 550 (of Cri LJ): In my opinion, the true rule is that in every case of this type the rule about the advisability of corroboration should be present to the mind of the judge. The rule, which according to the cases has hardened into one of law, is not that corroboration is essential before there can be a conviction but that the necessity of corroboration, as a matter of prudence, except where the circumstances make it safe to dispense with it, must be present to the mind of the judge, before a conviction without corroboration can be sustained. The tender years of the child, coupled with other circumstances appearing in the case, such, for example, as its demeanour, unlikelihood of tutoring and so forth, may render corroboration unnecessary but that is a question of fact in every case. The only rule of law is that this rule of prudence must be present to the mind of the judge or the jury as the case may be and

be understood and appreciated by him or them. There is no rule of practice that there must, in every case, be corroboration before a conviction can be allowed to stand. The above observations were made in a case where the prosecutrix is the child and not in a case of a child who merely happened to witness commission of the crime. As we have indicated earlier, in such a case prudence requires that the court should be conscious of the susceptibility of the witness for tutoring and being subjected to extraneous influence. Having regard to the status of the witness, the nature of the evidence given by the witness, the manner in which he gave evidence and other circumstances obtaining in the case, it is open to the court to regard the evidence as either trustworthy in itself or as requiring corroboration.

[66] Rujukan juga dibuat kepada kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174; [1976] CLJU 159; [1976] 1 LNS 159, di mana Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Raja Azlan Shah HMP memutuskan seperti berikut:

The appeal was brought on several grounds. We did not intend to deal with all of them as we felt there was not much substance in them. We needed to consider only two. One of them was that the jury were not given due warning against accepting the evidence of PW8 who was 13 years of age at the time of the incident and 14 when he gave evidence, without corroboration. In cases involving child evidence of tender years, we are of the opinion that it would not be necessary to give a formal warning that it is dangerous to convict on the uncorroborated evidence of a child of tender years. It is sufficient if the judge adopts the prudent course of advising the jury to pay particular attention to or to scrutinise with special care, the evidence of young children and explains the tendencies of children to invent and distort. The objection in such a case as this, is not on the grounds of complicity, as in the case of an accomplice, or on the grounds of an oath against an oath, as in the case of a prosecutrix in a sexual offence against her, but on the ground of tendency of a child of tender years to confuse fantasy with reality: see *Loo Chuan Huat v Public Prosecutor* [1971] 2 MLJ 167b; [1971] CLJU 68; [1971] 1 LNS 68.

In the present case, however, the learned judge did not consider PW8, a child of tender years and he was satisfied that he possessed sufficient intelligence to understand the meaning and significance of an oath. The absence of such warning therefore was not fatal as there was in fact substantial corroboration of the boy's evidence. The appeal on this ground, we thought, must therefore fail. (Penekanan ditambah.)

[67] Berdasarkan kepada keputusan autoriti-autoriti duluan di atas, sudah terang lagi bersuluh bahawa s 133A Akta Keterangan 1952 tersebut tidak meletakkan suatu syarat wajib atau mandatori untuk hakim bicara atau pihak pendakwaan di dalam semua kes yang melibatkan saksi kanak-kanak mentah untuk mengadakan satu siasatan awal bagi menentukan takat kompetensi seseorang saksi kanak-kanak. Hakim bicara mempunyai budi bicara untuk menerima keterangan seseorang saksi kanak-kanak yang masih mentah sekiranya pada pendapatnya kanak-kanak itu memahami apa sebenarnya sesuatu sumpah itu.

[68] Seperti yang telah kami nyatakan sebelum ini, nota prosiding yang dirakamkan jelas menunjukkan bahawa SP18 memahami sumpah yang diangkatnya sebelum SP18 mula memberikan keterangannya di mahkamah. Dengan pemahaman tersebut, kami tidak nampak di mana timbulnya keperluan untuk suatu siasatan awal diadakan oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana bagi menentukan tahap kompetensi saksi kanak-kanak ini.

[69] Oleh itu, kami tidak dapat melihat di mana wujudnya prejudis atau berlakunya ketidakadilan yang substansial kepada tertuduh di atas kegagalan Mahkamah Tinggi untuk mengadakan siasatan awal sebelum keterangan SP18 dirakamkan. Nyata isu yang dibangkitkan oleh peguam tertuduh yang bijaksana ini adalah tidak bermerit dan seharusnya ditolak.

[70] Isu kedua yang dibangkitkan oleh peguam tertuduh adalah mengenai kegagalan hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana untuk menilai dan mengupas kes pembelaan secara keseluruhan. Peguam perayu yang bijaksana menghujahkan bahawa pembelaan perayu bukanlah suatu pemikiran terkemudian (*afterthought*). Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana dikatakan telah gagal untuk meneliti cabaran-cabaran yang telah diletakkan kepada saksi-saksi pendakwaan terutamanya kepada SP9, SP14, SP17, SP18 dan SP19 sejak di peringkat kes pendakwaan lagi.

[71] Persoalannya adakah benar hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah gagal untuk menilai kes pembelaan sepertimana dakwaan peguam tertuduh? Jawapannya sudah pasti tidak. Ulasan kes pembelaan ada dibuat oleh beliau dan ini boleh dilihat di ms 25–27 (Kandungan 9 Rekod Rayuan Jld 1) perenggan [34] hingga [36] alasan penghakiman beliau dan kami petik:

> [34] Setelah membuat penelitian dan penilaian yang menyeluruh atas keterangan yang diberikan oleh OKT, saya mendapati bahawa OKT bukanlah seorang saksi yang jujur dan kredibel kerana OKT sering sahaja menuding jari mencari kesalahan orang lain seperti bekas isterinya (SP16), mertuanya, isterinya sendiri ('SP17') dan juga SP18. Dari siasatan yang dijalankan oleh pihak polis dan keterangan yang diberikan oleh SP18 yang merupakan saksi mata, saya berpuas hati bahawa pada masa kejadian SP18 sememangnya berada bersama si mati dan melihat sendiri perbuatan OKT yang mencederakan si mati tanpa belas kasihan sehingga menyebabkan kematian si mati ekoran kecederaan yang amat serius yang dialami oleh si mati.
>
> [35] Dari fakta dan keterangan, saya tidak meragui bahawa OKT sememangnya berada di dalam rumah tersebut pada tarikh dan masa kejadian sepertimana dalam pertuduhan kerana tiada sebarang keterangan atau bukti dikemukakan oleh OKT yang menunjukkan OKT ada keluar dari rumah tersebut untuk membeli barang selepas pulang dari satu pertandingan bowling. OKT juga gagal membawa bukti bagi menunjukkan yang OKT tiada di rumah tersebut selepas jam 8.30 malam pada hari kejadian. Keterangan saksi mata, SP18 yang berada di ruang tamu rumah tersebut dan melihat sendiri bagaimana OKT telah memijak perut, menolak si mati

dengan kaki dan menendang si mati dengan kuat sehingga terkencing serta mengangkat si mati dan mencampak si mati di atas tilam di ruang tamu rumah tersebut, jelas tidak tercabar.

[36] Selain itu, saya berpendapat sikap OKT yang cuba menyembunyikan fakta sebenar mengenai kejadian yang menimpa si mati pada malam kejadian jelas membuktikan niat tidak baik OKT. Keterangan SP18 yang mengatakan bahawa ibu tirinya, SP17 sewaktu kejadian berada di dalam bilik tidur turut membuktikan pembohongan yang cuba dilakukan oleh OKT dalam perbicaraan ini. Demi melepaskan dirinya daripada pertuduhan, OKT sanggup menuding jari ke arah SP17 yang merupakan isterinya sendiri yang mana dari keterangan yang ada, tidak terlibat langsung dalam kejadian mencederakan si mati pada hari kejadian. Justeru itu, pembelaan yang dibangkitkan oleh OKT di sini pada pendapat saya jelas merupakan suatu penafian semata-mata dan saya menolak pembelaan OKT kerana ia tidak mencukupi untuk menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan (rujuk: *Murugan a/l Arumugam lwn Pendakwa Raya* [2014] MLJU 1886; [2017] 3 CLJ 377).

[72] Berdasarkan petikan di atas adalah jelas dakwaan peguam tertuduh mengenai isu kedua ini adalah tidak bermerit dan ditolak. Sebagai tambahan, kami ingin menegaskan bahawa keterangan tertuduh bukan sahaja tidak boleh dipercayai dan meragukan malah tertuduh juga gagal untuk meletakkan versi pembelaan seawal mungkin kepada saksi-saksi pendakwaan di peringkat kes pendakwaan.

[73] Bagi memperjelaskan apa yang kami maksudkan di atas, maka adalah penting untuk mengimbas kembali keterangan SP18 saksi utama kes pendakwaan.

[74] SP18 di dalam pernyataan bertulisnya (WSP3 — di ms 158–161 Kandungan 10 Rekod Rayuan Jld 2(1)) menyatakan seperti yang berikut:

Pada 31.1.2018 jam lebih kurang 2.00 petang saya bersama adik saya nama Nur Aina Nabihah tinggal berdua di rumah di alamat No. 338, Jalan Vista Jaya 5, Taman Vista Jaya, Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan kerana babah (ayah) dan umi (ibu tiri) serta (2) orang adik saya (Kanak-Kanak A dan Muhammad Amjat Basir) telah keluar pergi bermain bowling di mana saya tidak pasti. Saya dan adik saya Nur Aina Nabihah duduk di rumah dan membuat kerja sekolah.

Semasa ayah dan umi serta (2) orang adik saya tiada di rumah saya dan Nur Aina Nabihah hanya makan gula-gula sahaja. Kemudian pada jam lebih kurang 6.30 petang ayah dan umi serta adik-adik telah balik ke rumah dengan membawa nasi yang dibeli. Kemudian saya sekeluarga makan nasi di rumah bersama.

Selepas solat maghrib dalam pukul 7.30 malam saya dan adik Nur Aina Nabihah pergi mengaji al-quran di rumah jiran hadapan rumah saya. Kemudian pada jam 8.30 malam setelah selesai mengaji saya dan adik Nur Aina Nabihah balik ke rumah kami.

Selepas selesai solat Isyak saya dan Nur Aina Nabihah duduk di ruang tamu kemudian ayah bertanya kepada kami pasal denda yang kami tidak solat pada hari Rabu. Ketika itu umi dan (2) orang adik saya (Kanak-Kanak A dan Muhammad Amjat Basir) duduk di dalam bilik. Apabila kami diam, kemudian ayah marah dan ayah menyuruh kami membuat denda yang suruh iaitu — pumping dan 'sit up' sebanyak 500 kali. Setelah adik Nur Aina Nabihah selesai membuat 'pumping' sebanyak 130 kali dia ada bertanyakan kepada ayah — 'ayah boleh tak kira dari 100 balik' tetapi ayah tidak faham soalan adik Nur Aina Nabihah dan menyuruh adik Nur Aina Nabihah mengulang balik semula 'pumping' tersebut. Tanpa membantah adik Nur Aina membuat semula sebanyak 30 kali. Selepas itu adik saya Nur Aina Nabihah tidak larat untuk membuat 'sit up'. Kemudian ayah marah dengan memijak perut adik Nur Aina Nabihah tetapi adik menahan pijakan ayah dengan menggunakan kedua-dua belah tangan menekap di dada.

Apabila saya selesai membuat 'pumping' sebanyak 120 kali dan membuat 'sit up' sebanyak 80 kali kemudian saya memberitahu ayah bahawa saya telah selesai melakukan denda yang disuruh, ketika itu ayah hanya diam saja.

Kemudian ayah suruh adik bangun tetapi adik tidak larat kerana ayah sudah pijak perut adik saya Nur Aina Nabihah. Selepas itu ayah marah lagi dan terus pijak perut adik lagi. Selepas itu ayah tolak adik menggunakan kaki dan tendang adik Nur Aina Nabihah dengan kuat sehingga adik Nur Aina Nabihah terkencing di dalam seluar di atas karpet ruang tamu.

Adik Nur Aina Nabihah cuba hendak bangun tetapi belum sempat adik Nur Aina Nabihah belum sempat bangun ayah telah pegang kaki dengan tangan adik Nur Aina Nabihah, angkat adik Nur Nabihah atas paras dada ayah, kemudian campak ke tilam bayi atas lantai di ruang tamu rumah. Kemudian ayah pegang kedua-dua telinga adik Nur Aina Nabihah tarik ke atas dan hantuk kepala adik Nur Aina Nabihah ke lantai. Selepas itu adik Nur Aina Nabihah bangun dan cuba berjalan menuju ke bilik air dan dalam masa yang sama ayah telah tendang adik Nur Aina Nabihah dari belakang dan adik Nur Aina Nabihah terjatuh di tepi peti ais di ruang dapur. Selepas itu adik Nur Aina Nabihah tetap bangun dengan keadaan yang lemah berjalan ke bilik air.

Semasa di bilik air adik Nur Aina Nabihah lemah dan terjatuh sekali lagi dan kemudian saya minta izin dengan ayah saya untuk membuang sampah di luar. Apabila saya lalu di ruang dapur, saya nampak adik saya Nur Aina Nabihah terduduk dalam keadaan lemah di hadapan pintu bilik air. Kemudian saya panggil ayah saya untuk tengok keadaan adik saya Nur Aina Nabihah. Apabila ayah saya telah datang menghampiri adik saya Nur Aina Nabihah dalam keadaan lemah dan tidak bermaya.

Ayah telah mengangkat adik saya Nur Aina Nabihah masuk ke bilik air dan selepas itu ayah saya telah membuka paip air dan menyiram adik Nur Aina Nabihah supaya adik kembali sedar. Tiba-tiba umi telah keluar dari bilik hendak pergi ke dapur tetapi umi telah berhenti di depan bilik air dan menutup paip air kerana takut adik Nur Aina Nabihah lemas. Ayah dan umi cuba menyedarkan adik saya Nur Aina Nabihah tetapi adik Nur Aina Nabihah masih dalam keadaan lemah dan sangat tidak bermaya.

Apabila adik Nur Aina Nabihah mula sedar dan duduk dia memberitahu bahawa dia tidak nampak umi dan ayah kemudian dia terjatuh dan terhantuk sendiri di

lantai dalam bilik air. Melihat keadaan adik macam itu kemudian umi dan ayah mengangkat adik Nur Aina Nabihah untuk menyuruh dia bangun tetapi adik Nur Aina Nabihah telah terbatuk dan umi dan ayah menyuruh dia mengeluarkan kahak tetapi tidak keluar. Kemudian ayah mengangkat adik Nur Aina Nabihah dengan memeluk perut adik Nur Aina Nabihah dengan kuat dan telah terkeluar kahak dari mulut adik. Kemudian umi dan ayah menyuruh adik Nur Aina Nabihah berdiri tetapi dia masih dalam keadaan lemah.

Selepas itu umi dan ayah menukar baju adik Nur Aina Nabihah kerana baju adik telah basah. Selepas itu ayah menyuruh saya menghidupkan enjin kereta ayah dan kemudian saya terus pergi menghidupkan enjin kereta kemudian ayah mengangkat adik Nur Aina Nabihah dan memasukkan ke dalam kereta dan kemudian saya mengikut ayah membawa adik Nur Aina Nabihah ke Hospital Tuanku Jaafar, Seremban. Semasa dalam perjalanan saya cuba kejutkan adik Nur Aina Nabihah tetapi adik Nur Aina Nabihah tidak sedarkan diri.

Apabila sampai di Hospital Tuanku Jaafar Seremban adik telah dirujuk ke zon merah dan doktor memberitahu kepada ayah dan saya bahawa adik Nur Aina Nabihah telah meninggal semasa dalam perjalanan. Kemudian doktor telah menyuruh ayah membuat laporan polis di Pondok Polis Hospital.

[75] Semasa sesi *pemeriksaan balas* (Kandungan 10 Rekod Rayuan Jld 2 (1) di ms 171–173) SP18 mengatakan seperti yang berikut:

S: Pada malam 31.1.2018, ayah kamu, Mohammad Abdullah, telah masuk ke dalam bilik Nur Aina Nabihah untuk baca doa sebelum dia tidur. Betul?

J: Tidak.

S: Saya cadangkan kepada kamu, semasa dia masuk ke dalam bilik itu, beliau telah dapati Nur Aina telah pun berada dalam tidak sedar diri.

J: Tidak.

S: Akmal, umur Nur Aina ni berapa tahun pada masa tu?

J: 9 tahun.

S: Sekiranya dia ditendang atau dipijak dengan kuat, semestinya Nur Aina akan menjerit atau menangis dengan kuat, betul?

J: Betul.

S: Ini semua tidak berlaku, betul?

J: Tidak.

S: Dan kalau ikut cerita kamu Akmal, semestinya Umi yang berada dalam bilik boleh dengar apa yang berlaku di luar, betul?

J: Betul.

Mah: Akmal faham tak soalan tu?

J: Faham.

Mah: Jadi Umi yang berada dalam bilik tu boleh dengar?

J: Ya.

S: Tetapi dia tidak keluar dari bilik?

J: Betul.

S: Dalam kes ini, ada tak pihak polis ada tak tangkap Umi ni?

J: Tidak.

S: Sekarang, cadangan saya, Akmal. Saya katakan kepada kamu, sebelum tu saya beritahu, kalau Akmal tak setuju, Akmal boleh kata tak setuju, kalau setuju boleh kata setuju, ya. Mungkin Akmal tak faham cadangan, ini cadangan sayalah. Pada malam 31.1.2018, saya katakan kepada Akmal, orang yang telah mencederakan dan mengakibatkan kematian kepada Nur Aina adalah Umi.

J: Tidak setuju.

S: Tapi Akmal setuju tak, hubungan dengan kamu dan juga Nur Aina tidak begitu rapat.

J: Tidak setuju.

S: Pada malam itu, ayah kamu, Mohammad Abdullah telah cuba sedarkan Nur Aina, betul?

J: Betul.

S: Dia telah cuba selamatkan Nur Aina, betul?

J: Betul.

S: Dia juga telah cuba keluarkan kahak yang telah tersangkut di dalam kerongkongnya, betul?

J: Betul.

S: Dia juga telah tukar baju Nur Aina pun, betul?

J: Betul.

S: Dan dia juga telah membawa Nur Aina ke hospital untuk selamatkan dia, betul?

J: Betul.

S: Kita balik kepada statement ini ya. Akmal, saya cadangkan kepada kamu, Akmal ada WSP3?

J: Ada.

S: Oleh kerana dokumen ini disediakan oleh orang lain dan serahkan kepada kamu, ini bukanlah statement kamu, betul?

J: Ini statement saya.

S: Dokumen ini tidak disediakan oleh kamu, betul?

J: Betul.

S: Ia telah disediakan oleh orang lain dan telah diberikan kepada kamu, betul.

J: Ya.

S: Jadi ini bermakna, ia bukan statement kamu, betul?

J: Tidak.

S: Saya juga katakan kepada kamu, apa yang terkandung dalam dokumen ini, WSP3 ini, adalah hanya untuk menyelamatkan Umi daripada tuduhan membunuh Nur Aina.

J: Tidak.

S: Kamu telah memberitahu Mahkamah, Nur Aina telah dipukul, dipijak semua.

J: Betul.

S: Dan kamu tak buat apa-apa? Betul? Untuk tahan?

J: Betul.

S: Kamu juga tidak pergi ketuk pintu bilik Umi untuk keluar tolong Nur.

J: Betul.

S: Kamu pun tidak menjerit minta tolong daripada jiran atau sesiapapun, betul?

J: Betul.

S: Dan saya mencadangkan kepada kamu Akmal bahawa WSP3 ini adalah satu pembohongan.

J: Tidak.

S: Di dalam rumah sejak kamu tinggal dengan ayah kamu, kamu panggil dia apa?

J: Babah.

S: Dan Umi kamu panggil apa?

J: Umi.

S: Kamu tahu apa itu CPR tak?

J: Tahu.

S: Ada tak CPR dibuat pada malam itu?

J: Saya tidak ingat.

S: Saya juga katakan kepada kamu, Umi langsung tidak kisah mengenai Nur Aina.

J: Tidak.

S: Dan beliaulah yang telah mencederakan dan mengakibatkan kematian Nur Aina.

J: Tidak.

[76] Tertuduh pula di dalam pernyataan bertulisnya (WSD1) (Kandungan 10 Rekod Rayuan Jld 2 (1) di ms 198 hingga 203) menyatakan seperti yang berikut:

Pada 31/1/2018, saya bersama isteri saya dan dua anak kecil saya yang berumur 5 bulan dan 2 tahun menghadiri satu pertandingan bowling untuk BAKAT tentera di Pusat Bowling Seremban. Kami balik rumah lebih kurang 6.30pm. Pada hari itu, kedua-dua anak saya dengan isteri pertama bersekolah macam biasa.

Kedua-dua anak saya MUHAMMAD AKMAL HAZIQ BIN MOHAMMAD ABDULLAH dan NUR AINA NABIHAH BINTI MOHAMMAD ABDULLAH ada mengaji dengan satu perempuan Melayu yang tinggal berhadapan rumah saya.

Mereka akan pergi mengaji pada lebih kurang 8 malam selepas balik dari sekolah dan habis mengaji lebih kurang pukul 8.30 malam.

Pada 31/1/2018, lebih kurang pukul 8.30 malam kedua-dua anak saya, MUHAMMAD AKMAL HAZIQ BIN MOHAMMAD ABDULLAH dan NUR AINA NABIHAH BINTI MOHAMMAD ABDULLAH balik dari mengaji dan terus menunggu untuk menunaikan sholat Isyak bersama pada pukul 8.39 malam. Selepas sholat anak-anak saya akan masuk ke bilik masing-masing untuk menyiapkan kerja sekolah yang diberi oleh guru. *Lebih kurang pukul 9 malam, isteri saya beritahu saya ingin balik ke bilik untuk uruskan kedua-dua anak kecil dan saya pun keluar dari rumah untuk beli barang selepas isteri saya masuk bilik.*

Lepas beli barang, saya balik rumah lebih kurang 10 malam, masa itu saya tidak nampak anak perempuan saya, NUR AINA NABIHAH dan anak lelaki saya MUHAMMAD AKMAL HAZIQ berada di ruang tamu. Saya pun menonton television bersama anak lelaki saya selepas balik ke rumah. Masa itu isteri saya juga berada di rumah bersama kedua-dua anak kecil saya dan anak perempuan saya ada di biliknya.

Lebih kurang pukul 10.30 malam saya telah pergi ke bilik anak perempuan saya NUR AINA NABIHAH macam biasa untuk membaca doa sebelum dia tidur. Apabila saya masuk ke bilik, saya mendapati anak perempuan saya tengah baring atas katil dan saya ingat dia tertidur sebelum bacakan doa. Oleh itu saya cuba bangunkan dia untuk baca doa, tetapi anak saya tidak memberi apa-apa respond setelah beberapa kali saya bangunkan dia.

Saya dapati anak perempuan saya tidak sedarkan diri. Saya cuba berikan bantuan CPR pada anak perempuan saya dengan tekan dada dia dan hembus mulut dia tetapi anak saya masih tidak sedarkan diri dan tidak balas. Selepas itu isteri saya pun datang tengok anak saya dan isteri saya telah dukung anak saya untuk mandikannya supaya dia boleh sedar diri.

Semasa isteri saya dukung anak saya dan mandikannya, anak saya masih hidup kerana lepas mandikannya anak saya telah sedarkan diri seketika dan pada masa itu isteri saya ada tanya anak saya apa yang telah berlaku. Anak saya telah beritahu isteri saya bahawa 'Baba tidak buat apa-apa'.

Masa itu anak saya masih kelihatan lemah. Oleh itu, dengan segeranya saya membawa anak perempuan saya pergi ke kecemasan Hospital Tuanku Jaafar Seremban untuk bantuan.

Apabila sampai di Hospital pada pukul 11.30 malam anak saya cuba diberikan bantuan CPR selama 30 minit tetapi doktor telah memaklumkan tidak berjaya selamatkan anak saya dan menyatakan meninggal dunia dalam perjalanan dan disahkan kematiannya pada 1/2/2018 pada pukul 00.01 pagi.

Selepas saya dimaklumkan anak saya telah meninggal dunia, saya ada buat satu laporan polis di balai polis Jalan Campbell pada awal pagi iaitu pada 1/2/2018 lebih kurang pukul 12.53 pagi. Saya merujuk kepada Ekshibit P-1.

Selepas kematian anak saya NUR AINA NABIHAH, saya berasa sangat sedih kerana saya sangat sayang pada anak perempuan saya.

Saya tidak tahu kenapa anak lelaki saya, MUHAMMAD AKMAL HAZIQ telah memberi keterangan di Mahkamah bahawa saya yang memukul dan mendera anak

perempuan saya. Mungkin dia sangat sedih kerana adik perempuannya sudah meninggal dunia dan dia marah dengan saya kerana tidak selamatkan adiknya. Dan mungkin kerana bekas isteri saya yang menghasut serta mereka cerita dan memaksa anak lelaki saya untuk menuduh saya. Pada waktu itu kerana bekas istei dan mertua sangat benci pada saya disebabkan hak penjagaan.

Saya tidak tahu kenapa anak saya NUR AINA NABIHAH mempunyai kecederaan kerana biasanya isteri saya yang menjaganya di rumah apabila saya tidak ada di rumah. Anak saya hanya memberitahu saya isteri ada memarahinya dan memukul dia apabila dia tidak mematuhi arahannya.

Apabila kejadian ini berlaku, pihak polis telah menahan dan menangkap isteri saya yang bernama NOOR FAUZIANA BINTI ABU BAKAR dan saya ditangkap kemudian.

Selepas isteri saya ditangkap polis, polis ada membawa isteri saya balik ke rumah saya di alamat No.338, Jalan Vista Jaya 5, Taman Vista Jaya, Lukut, 71010 Port Dickson, Negeri Sembilan untuk buat siasatan dan untuk tunjuk barang-barang yang digunakan oleh isteri saya untuk memukul anak saya NUR AINA NABIHAH. Masa isteri saya dibawa balik ke rumah saya, saya berada di balai polis setengah jam dari itu saya pulak dibawa ke rumah saya tetapi saya tidak turun dari kertea sehingga isteri saya keluar dari rumah dan kemudian barulah saya pulak yang dibawa masuk ke dalam rumah.

Polis ada mengambil gambar isteri saya semasa isteri saya menunjukkan barang-barang yang digunakannya untuk memukul anak saya, merujuk kepada P-2 gambar no. 18 & 19.

Saya tidak mencederakan anak perempuan saya dan tiada mempunyai niat untuk menyebabkan kematiannya kerana saya memang sayang anak saya dan saya telah cuba selamatkannya dengan menjalankan CPR padanya apabila saya mendapati anak saya tidak sedar diri saya juga membawanya ke hospital untuk menyelamatkannya, kali kedua.

Saya juga ingin mengatakan bahawa sekiranya anak saya didera oleh saya semestinya, dia akan menjerit dan menangis yang akan kejutkan isteri saya, dengan itu keterangan isteri saya di Mahkamah adalah tidak munasabah bahawa beliau berada didalam biliknya dan tidak mendengar apa-apa.

Saya percaya isteri saya telah mencederakan dan mendera anak perempuan saya, NUR AINA NABIHAH semasa saya keluar dari rumah pada malam kejadian untuk membeli barang.

[77] Semasa sesi *pemeriksaan balas* (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jld 2 (2) di ms 205 hingga 224) tertuduh menyatakan seperti yang berikut:

S: Berapa umur anak-anak kamu pada 2018, Haziq dan Noraina ni?

J: Mohd Akmal Haziq pada ketika itu umur 11 tahun dan arwah Noraina Nabihah binti Mohammad Abdullah berusia 9 tahun.

S: Setuju dengan saya, bahawa kesemua anak kamu ni termasuk Noraina adalah di bawah jagaan dan tanggungjawab kamu sebagai seorang bapa.

J: Setuju.

S: Dan saya katakan kepada kamu, apa-apa yang berlaku kepada anak kamu bernama Noraina ni, kamu sepatutnya bertanggungjawab kerana kamu adalah bapa kepada mereka.

J: Memang itu tanggungjawab saya.

S: Setuju ataupun tak setuju?

J: Setuju.

S: Saya katakan kepada kamu En. Abdullah sebenarnya kamu berbohong. Kamu tak ada keluar pun beli barang ini. Setuju atau pun tidak setuju?

J: Tidak setuju.

S: Kalau kamu keluar beli barang, kamu beli barang dekat mana?

J: Kedai depan kat taman tu.

S: Kedai depan kedai apa? Boleh kamu nyatakan secara tepat kat Mahkamah. Kedai mana yang kamu beli barang.

J: Kedai makan tepi kedai runcit.

S: Berapa banyak kedai kamu pergi waktu tu?

J: Situ ada kedai runcit sebelah taman. Sebelah tu ada kedai makan.

S: Kamu pergi ke kedai runcit ke kedai makan?

J: Kedai makan sekali dengan kedai runcit.

S: Kamu pergi ke kedai makan?

J: Ya.

S: Okay, kedai makan apa nama restoran ke, nama kedai tu apa nama?

J: Tak ada nama.

S: Tak ada nama?

J: Taman tu yang buat.

S: Taman tu yang punya. Yalah, dia merupakan apa? Rumah? Ataupun gerai?

J: Di tepi kedai runcit tu. Dah tak de dah. Tutup dah.

S: Tak apa saya tak tanya dah tutup atau belum. Saya nak tahu kedai makan yang kamu pergi tu, sebab saya tak ada kat sana. Kedai tu memang tak ada nama? Kedai ke rumah orang ke?

J: Gerai makanlah.

S: Gerai?

J: Ya.

S: Dan gerai tu letaknya dekat mana?

J: Sebelah kedai runcit.

S: Kedai runcit nama apa?

J: Pun tak ada nama.

S: Kedai runcit pun tak ada nama?

J: Ya.

S: Memang semua kedai-kedai situ tak ada nama?

J: Belum lagi.

S: Memang tak ada nama?

J: Ya.

S: Apa yang kamu beli semasa di kedai makan ni?

J: Belilah roti-roti, macam nasi saya beli untuk dia orang makan.

S: Kamu beritahu Mahkamah apa yang kamu beli, satu, satu. Beli roti, lagi?

J: Beli nasi.

S: Lagi.

J: Itu sahaja.

S: Nasi apa yang kamu beli? Berapa banyak bungkus nasi yang kamu beli?

J: Saya belilah 2 bungkus untuk berkongsi sama-sama.

S: Beberapa bungkus tu berapa bungkus?

J: 2 bungkus

S: Kamu beli nasi ni untuk siapa En. Abdullah?

J: Untuk mereka yang di rumahlah.

S: Dan saya cadangkan kepada kamu, sebenarnya kamu tak keluar pun pada malam tu. Kamu berada di rumah pada malam tu, kamu tak keluar pun. Setuju ataupun tak setuju?

J: Tidak setuju.

S: Dan saya cadangkan kepada kamu, kamu ada di rumah pada malam tu bersama anak kamu dan juga Noraina. Setuju atau pun tidak setuju?

J: Tidak setuju.

S: Kalau kamu tidak setuju, saya cadangkan semasa siasatan dengan pihak polis, tak ada pun kamu beritahu polis kamu ada keluar malam untuk pergi beli barang.

Setuju ataupun tidak?

J: Itu setuju.

S: Dan saya juga katakan kepada kamu, kat dalam laporan polis yang kamu buat tak ada kamu katakan yang kamu ada pergi ke kedai. Laporan polis tadi siapa yang buat?

TPR: Dengan izin Y. Arif saya rujuk kepada ekshibit P1.

S: Kamu tengok laporan polis kamu. Ada tak pada mana-mana perenggan, kamu nyatakan kamu ada keluar dalam tu, pergi ke kedai untuk beli barang?

J: Tidak ada.

S: Jadi setuju dengan saya, tidak ada dinyatakan pun dalam laporan polis ni yang kamu ada pergi kedai malam tu, setuju?

J: Setuju.

S: Jadi kalau kamu setuju, saya juga cadangkan kepada kamu maklumat yang kamu cakap pergi ke kedai, kedai tak ada nama, kamu beli roti, tu semua adalah satu maklumat yang penting. Dan maklumat yang penting tu, patutnya dimasukkan ke dalam laporan polis ni, setuju atau pun tidak?

J: Tidak setuju.

S: Tidak setuju maklumat tu penting?

J: Kalau ikutkan setuju. Tapi sebabkan.

S: Jadi jawapan kamu setuju ke tak setuju?

J: Setuju.

S: Dan bila kamu setuju, saya kata kepada kamu malangnya kamu tak masukkan ke dalam laporan polis ni. Kamu kata maklumat tu penting tapi kamu tak masukkan pun dalam laporan tu.

J: Sebab masa tu tak berfikir tentang situ.

S: Saya katakan kepada kamu pada pukul 9 malam isteri kamu ada minta izin kepada kamu untuk masuk bilik.

J: Setuju.

S: Kamu lihat Penyata Saksi perenggan 17. Setuju saya katakan Noraina ni tiada pun di dalam bilik. Setuju atau pun tidak?

J: Tidak.

S: Dan setuju saya katakan, Aina ni berada di ruang tamu bersama dengan kamu dan juga Haziq.

J: Tidak.

S: Setuju saya katakan, kamu ada bertanya kepada Haziq dan juga Aina berkenaan dengan denda yang mereka tak solat pada hari Rabu, setuju ataupun tak setuju?

J: Tidak setuju.

S: Saya juga cadangkan kepada kamu En. Abdullah, kamu telah menyuruh Haziq dan Aina membuat 500 bumping dan juga sit up. Setuju atau pun tak setuju.

J: Tidak setuju.

S: Dan setuju saya katakan, Aina ni bila dia tak larat nak buat sit up kamu marah dan pijak perut Aina dengan sebelah kaki kamu, setuju

J: Tidak setuju.

S: Seterusnya, setuju saya katakan kepada kamu, akibat kamu telah pijak Aina, dan Aina berasa sakit, Aina ni telah menangis tapi tanpa mengeluarkan suara dia. Setuju ataupun tidak?

J: Tidak setuju.

S: Aina ada nangis ke tidak waktu tu?

J: Tidak ada buat dan tak tahu.

S: Seterusnya saya katakan kepada kamu, selepas kamu dah pijak perut Aina, kamu suruh Aina bangun tapi Aina tak larat. Dan kamu telah pijak sekali lagi perut Aina. Setuju ataupun tidak setuju?

J: Tidak setuju

S: Saya juga katakan kepada kamu En. Abdullah, kamu telah tolak dan tendang Aina dengan kuat sekali. Setuju ataupun tak setuju?

J: Tidak setuju.

S: Dan disebabkan tendangan kamu yang kuat ini, Aina telah terkencing kat dalam seluar atas karpet ruang tamu. Setuju atau tak setuju?

J: Tidak setuju.

S: En. Abdullah berapa berat badan kamu?

J: 82 kg.

S: Dan dengan kekuatan yang kamu ada yang kamu dah setuju tu, kekuatan kuat yang kamu tendang Aina telah membuatkan Aina sampai terkencing. Setuju ataupun tidak.

J: Tidak setuju. Saya tidak melakukan apa-apa.

S: Seterusnya, saya katakan kepada kamu, kamu telah pegang kaki dan juga tangan Aina, kamu telah angkat ke paras dada kamu dan kamu telah campak Aina di ke dinding. Setuju atau tidak?

J: Tidak setuju.

S: Saya juga ada katakan kepada kamu, kamu ada pegang kedua-dua telinga dia, kamu tarik ke atas, dan kamu hentak kepalanya ke lantai. Setuju atau tidak?

J: Tidak setuju.

S: Lepas kamu hendak kepala Aina ni kat lantai, Aina ni bangun dan dia menuju ke bilik air. Setuju ataupun tidak?

J: Tidak setuju?

S: Saya juga ada katakan kepada kamu, kamu ada pegang kedua-dua telinga dia, kamu tarik ke atas, dan kamu hentak kepalanya ke lantai. Setuju atau tidak?

J: Tidak setuju.

S: Lepas kamu hendak kepala Aina ni kat lantai, Aina ni bangun dan dia menuju ke bilik air. Setuju atau pun tidak?

J: Tidak setuju?

S: Dalam perjalanan Aina ni nak ke bilik air, kamu telah tendang Aina ni daripada belakang sampai membuatkan Aina ni terjatuh dekat tepi peti ais dekat dapur.

J: Tak setuju.

S: Dan seterusnya dalam keadaan lemah, Aina ni bangun dan Aina telah terjatuh sekali lagi. Lepas dah tendang, dia berasa lemah, dan dalam keadaan lemah tu dia telah jatuh sekali lagi.

J: Tidak setuju.

S: Setuju juga dengan saya, saya katakan kepada kamu doktor yang telah beri keterangan di Mahkamah. Doktor telah pun mengesahkan terdapat 32 kecederaan luaran. Itu disahkan oleh doktor. Betul?

J: Saya tak pasti.

S: Saya tak pasti, maksudnya kamu tak dengar ke kamu.

J: Saya tak pandai inggeris, dan saya tak pandai apa-apa tentang.

S: Setuju saya katakan kecederaan yang banyak ni yang kamu katakan kamu setuju ini banyak kecederaan dan kecederaan ni teruk. Kecederaan ini disebabkan oleh kamu En. Abdullah.

J: Tidak setuju.

S: Jadi sepanjang anak kamu Noraina di bawah jagaan kamu, kamu pernah nampak ke tak pernah nampak kecederaan lebam kat badan dia tu? Kecederaan dalam gambar ni? Pernah nampak ke tak pernah nampak?

J: Tak nampak

S: Tak pernah nampak?

J: Ya.

S: En. Mohammad saya rujuk En. Mohammad pada perenggan 15. Berkenaan En. Mohammad kata En. Mohammad keluar daripada rumah untuk beli barang selepas isteri saya masuk bilik. Saya katakan kepada En. Mohammad perkara ini tidak pernah disoal pada mana-mana saksi pihak Pendakwaan, terutamanya isteri En. Mohammad dan anak En. Mohammad setuju atau tidak.

PB: Y. Arif, saya percaya itu we leave it to submission.

TPR: Its okay Y. Arif. Kalau dia setuju, saya setuju. Mah: I think may be you submit sahaja.

TPR: Baik Y. Arif.

S: Soalan saya, 8.30 hingga 11.30, Haziq berada bersama En. Mohammad setuju atau tidak?

J: Tidak sebab saya ada keluar.

[78] SP17 pula (Noor Fauziana bt Abu Bakar / bekas isteri kedua tertuduh) di dalam sesi *pemeriksaan utama* (Kandungan 10 Rekod Rayuan Jld 2 (1)) di ms 140 sehingga 150 menyatakan seperti yang berikut:

S: Sekarang kita pergi ke suatu tarikh. Pada 31.1.2018, jam lebih kurang pukul 6.30 petang, boleh puan ceritakan apa yang berlaku pada tarikh tersebut?

J: Pada jam itu saya baru sampai di rumah dari pusat bowling, untuk BAKAT tentera.

Mah: Pusat apa?

J: Pusat Bowling Seremban saya rasa.

S: Untuk program apa tu puan.

J: Untuk isteri BAKAT, pertandingan bowling.

S: So, maksudnya puan baru balik dari pertandingan bowling anjuran BAKAT?

J: Ya.

S: Puan balik dengan siapa puan?

J: Saya balik dengan suami saya, anak-anak saya.

S: Siapa tu 'anak-anak saya'.

J: Muhammad Aiman Fariz dengan Muhammad Amjad Basir.

S: Kemudian apa yang berlaku?

J: Pukul 8 malam macam tu, Nur Aina Nabihah dan Haziq pergi mengaji.

S: Di mana mereka pergi mengaji ni puan?

J: Depan rumah saya.

S: Kemudian apa yang berlaku? Ada mereka balik selepas tu?

J: Dalam pukul 8.30 mereka balik. Nur Aina Nabihah tukar telekung, Akmal Haziq masuk bilik dia, lepas tu saya minta izin dengan suami untuk masuk bilik berehat.

S: Maksudnya masa dia orang balik mengaji ni, Akmal dan Aina Nabihah balik mengaji ni, puan ada tengoklah mereka berdua ni?

J: Ya, saya ada tengok

S: Bagaimana keadaan mereka pada ketika itu?

J: Ok, tak ada apa.

S: Aina macam mana?

J: Ok, tak ada apa

S: Puan masuk dalam bilik untuk berehat ya?

J: Ya.

S: Puan ingat tak masa lebih kurang dalam pukul berapa ya?

J: Dalam pukul 9 macam tu.

S: 9 malam ya?

J: Ya

S: Masa puan dalam bilik, siapa yang ada di ruang tamu ni? Puan ingat tak?

J: Suami saya.

S: Puan masuk bilik, suami ada kat luar ya? Kemudian apa yang berlaku?

J: Saya tidur, pastu dalam pukul 11 lebih macam tu, saya dengar suara jeritan. Pastu saya terus pergi kat ni, saya keluar dari bilik, saya pergi dekat dapur, dan saya nampak arwah terbaring dalam bilik air dengan pili air yang terbuka.

S: Puan kata tadi, dengar jeritan. Jeritan apa yang puan dengar ni, masa puan tidur tu kan? Jeritan apa yang puan dengar?

J: Suara suami saya macam menjerit.

S: Menjerit, nada dia macam mana?

J: Kuat

S: Masa puan tengok Nur Aina Nabihah ni, puan kata dia terbaring di dalam bilik air. Bagaimana keadaan dia tu? Puan ada pergi dekat tak dengan Nur Aina Nabihah ni?

J: Saya tutup pili air je. Saya tak datang dekat dia.

S: Kenapa puan tutup pili air ni?

J: Saya takut dia lemas. Sebab air pili tu memang mengadap ke dia. Memang jatuh betul ke muka dia.

S: Maksud puan masa puan keluar tu, pili air terbuka dan Aina Nabihah ni dia terbaring di bawah pili air?

J: Ya, betul.

S: Puan tutup air kemudian apa yang puan buat?

J: Saya pergi balik dekat tempat yang saya mula-mula saya keluar tu, saya berdiri tu. Saya tanya suami saya, suami saya cakap 'tak tahu'. Saya tanya kenapa, dia cakap 'tak tahu'.

S: Suami cakap 'tidak tahu'?

J: Ya, tidak tahu.

S: Kemudian, saya tanya dekat kat Akmal Haziq.

J: Puan tanya apa?

S: Saya tanya kenapa?

J: Lepas tu, Muhammad Akmal Haziq cakap, ayah dia sepak adik dia dari ruang tamu sampai bilik air.

S: Lagi? Ada lagi Haziq cakap pada puan?

J: Tak ada, itu sahaja.

S: Kemudian, apa yang puan buat? Puan dah tengok keadaan Aina ni. Aina ni, puan duduk dekat suami, keadaan dia bagaimana? Dia terbaring dalam keadaan macam mana?

J: Tidak sedarkan diri.

S: Dia dudukkan Aina. Aina masa tu terbatuk. Lepas tu, suami ada tekanlah perut dia sebab tengok dia terbatuk dan keluar lendirlah. Keluar lendir daripada mulut ya, puan?

J: Ya, betul.

S: Kemudian apa yang berlaku?

J: Lepas tu saya cuba untuk bercakap dengan Aina Nabihah sebab tengok dia macam dah ok. Lepas tu dia cakap. Saya tanya dia, kenapa. Lepas tu dia bagi tahu, dia sakit, semua badan dia sakit. Lepas tu, dia kata dia tak nampak apa-apa dan tangan dia meraba-rabalah cari saya, cari sapa-sapa kan. Lepas tu saya tanya dia, 'Babah buat ke?'. Lepas dia cakap, 'Tak, babah tak buat'. Dia cuma cakap tu je, babah tak buat. Lepas tu saya cakap kenapa jadi macam ni? Dia tak jawab.

[79] Seterusnya, SP17 di dalam sesi *pemeriksaan balas* (Kandungan 10 Rekod Rayuan Jilid 2(1) di ms 150 sehingga 155, menyatakan seperti yang berikut:

S: Puan telah beritahu Mahkamah tadi selepas dia sedar balik, puan ada tanya dia apa yang telah berlaku.

J: Ya.

S: Apa yang dia beritahu?

J: Dia beritahu yang Babah dia tak ada buat apa-apa.

S: Apa maksud itu?

J: Saya tak pasti, mungkin dia nak bagitahu yang Babah dia tak buat apa-apalah.

S: Apa maksud bila dia beritahu puan, 'abah tak buat apa-apa?'

J: Dia memaklumkan babah dia tak buat apa-apa. Saya tak pasti dia tak pukul dia pun, saya tak pasti.

S: Puan telah beritahu Mahkamah, puan telah masuk ke bilik pada pukul 9 malam dan dengar jeritan En. Abdullah ini pada pukul 11 malam.

J: Ya.

S: Selain daripada jeritan dia tiada jeritan lain, betul?

J: Tiada.

S: Tidak ada jeritan langsung daripada Nur Aina Nabihah, betul?

J: Tiada.

S: Setuju saya cadangkan kepada pihak puan, puan ditangkap oleh pihak polis kerana disyaki melakukan kecederaan sehingga mengakibatkan kematian Nur Aina Nabihah ini, betul?

J: Tidak.

S: Cadangan saya sekarang kepada puan, orang yang telah mencederakan Nur Aina sehingga menyebabkan kematiannya adalah puan.

J: Tidak

S: Saya juga katakan kepada puan, sebenarnya puan tidak kisah mengenai keadaan Nur Aina pada malam itu, 31.1.2018. Dan oleh kerana Nur Aina ini adalah anak tiri kamu, kamu telah menyeksa beliau sehingga menyebabkan kematian.

J: Tidak.

S: Sekarang saya katakan kepada puan, puan telah memberi statement kepada pihak polis dan juga keterangan kepada Mahkamah pada hari ini adalah untuk menyelamatkan diri kamu daripada dituduh untuk kes bunuh dan dihukum gantung.

J: Tidak.

[80] Seterusnya, SP17 di dalam sesi *pemeriksaan semula* (Kandungan 10 Rekod Rayuan Jld 2 (1) di ms 155, menyatakan seperti yang berikut:

S: Tadi kamu ada beritahu kepada Peguam, ketika saya tanya tadi kamu kata Aina Nabihah cakap bukan Babah dia yang buat. Peguam tanya tadi, maksud Aina Nabihah tu, adalah Babah dia tak ada buat apa-apa. Kamu cakap kamu tak pasti. Boleh kamu jelaskan, kenapa jawapan kamu, kamu tak pasti apa yang Aina cakap kepada kamu tu.

J: Sebab saya tak pasti jawapan dia tu.

S: Tak pasti jawapan tu? Jawapan apa tu?

J: Yang mengatakan Babah dia tak buat.

S: Kenapa kamu sendiri tak pasti dengan jawapan Aina Nabihah?

J: Sebab saya tak tahu apa yang berlaku puan.

S: Apa yang berlaku kepada Aina Nabihah?

J: Ya, saya tak tahu.

S: Kemudian, puan ada ditanyakan berkenaan dengan seksaan anak tiri puan. Peguam kata anak tiri puan ini diseksa hingga menyebabkan kematian. Adakah dalam kes ini, puan ada menyebabkan kecederaan kepada Nur Aina Nabihah hingga menyebabkan kematian beliau?

J: Tidak.

S: Dalam kes ini ada tak pada bila-bila masa puan menyebabkan kecederaan pada Nur Aina Nabihah?

J: Tidak.

[81] SP9 (Dr Hanif bin Mahmud, Pakar Forensik, Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban di dalam pernyataan bertulisnya (WSP2) di Kandungan 10 Rekod Rayuan Jld 2(1) di ms 84 hingga 89 menyatakan seperti yang berikut:

(a) satu pemeriksaan post mortem telah dijalankan pada 1 Februari 2018 jam 11 pagi di bilik mayat Hospital Tuanku Jaafar Seremban ke atas mayat bernama Nor Aina Nabihah bin Muhammad dengan nombor pengenalan 091208–06–0034;

(b) mayat ini telah dikenalpasti kepada saya oleh Insp Mahafiz bin Mat Lawi (G 16533);

(c) pemeriksaan *post mortem* ini telah diminta oleh Insp Mahafiz bin Mat Lawi (G 16533);

(d) saya telah melakukan pemeriksaan luaran dan diikuti dengan pemeriksaan dalaman. Spesimen-spesimen dari badan si mati juga telah diambil semsa pemeriksaan dilakukan;

(e) hadir bersama semasa pemeriksaan post mortem, Dr Akma Nurain bt Mahamad Arif, Pegawai Sains Pn Saziana bt Saad dan Jurugambar Polis W Nor Ahmad Shaiful bin Wan Ibrahim (KPL 158701);

(f) saya telah menyediakan satu laporan post mortem dengan nombor HTJS 032/2018. Berikut adalah dapatan hasil pemeriksaan post mortem yang dijalankan, seperti yang direkodkan di dalam laporan post mortem;

(g) bedah siasat mendapati 32 kesan kecederaan luaran;

(h) pemeriksaan dalaman menunjukkan terdapat pendarahan yang banyak di dalam kaviti abdomen. Pendarahan dalam abdomen ini, berpunca

daripada kecederaan pada organ hati, organ pankreas dan kawasan peri-renal ginjal;

(i) kecederaan ini secara lazimnya menyebabkan kematian;

(j) kecederaan-kecederaan pada organ-organ ini adalah disebabkan oleh kudrat dari objek tumpul seperti kayu, batang besi, penumbuk, tendangan dan seumpamanya;

(k) ujian toksikologi adalah negatif; dan

(l) sebab kematian diberikan adalah kecederaan di abdomen akibat kudrat tumpul.

[82] SP9 di dalam sesi *pemeriksaan utama* (Kandungan 10 Rekod Rayuan Jld 2(1) di ms 101 sehingga 102 menyatakan seperti yang berikut:

S: Dr, apakah sebab kematian si mati?

J: Sebab kematian si mati adalah diberikan sebagai kecederaan di abdomen akibat kudrat tumpul.

S: Adakah kecederaan di item no. 19 berkaitan dengan punca kematian si mati?

J: Item di no 19, 20 dan 21 adalah berkaitan dengan sebab kematian si mati.

S: Boleh Dr. jelaskan bagaimana kecederaan tersebut boleh menyebabkan kematian si mati.

J: Kecederaan luaran di bahagian abdomen seperti lebam memerlukan daya yang lebih kuat. Maksud sama ada sederhana kuat atau kuat kerana abdomen tidak mempunyai lapisan tulang di bawahnya. Jadi untuk mencederakan kawasan ini daya yang sederhana kuat atau kuat perlu dikenakan kerana ia tidak mempunyai alas. Seperti kecederaan di tangan ataupun di muka disebabkan ada alas tulang di bawahnya ia lebih mudah dicederakan secara luaran. Jadi abdomen tiada tulang di bawahnya.

S: Jadi bagi mencapai kecederaan sebegitu apakah kudrat ataupun hentakan kekuatan yang akan digunakan ataupun bentuk action yang digunakan.

J: Sekiranya terdapat luka dalaman seperti di dalam kes ini kudrat yang digunakan adalah kuat.

S: Kuat?

J: Benar

S: Jenis kudrat itu boleh jadi tumbukan atau tendangan?

J: Benar.

S: Benar Dr?

J: Kecederaan ini diakibatkan oleh kudrat objek tumpul seperti tumbukan, tendangan, dipijak, objek batu, kayu dan seumpamanya.

S: Adakah kecederaan tersebut secara lazim boleh menyebabkan kematian?

J: Kecederaan dalaman di abdomen dalam kes adalah parah dan secara lazimnya boleh menyebabkan kematian.

S: Dan kecederaan tersebut lazimnya boleh menyebabkan kematian?

J: Benar, kecederaan tersebut lazimnya boleh mengakibatkan kematian.

[83] Mengimbas kembali keterangan SP9 (pakar perubatan forensik), beliau menyatakan di dalam pemeriksaan utamanya bahawa kecederaa luaran bernombor 19, 20 dan 21 adalah berkait rapat dengan kematian si mati kerana kecederaan luaran di bahagian abdomen seperti lebam memerlukan daya yang lebih kuat yang bersesuaian dengan tumbukan atau tendangan. Keterangan SP9 menunjukkan bahawa terdapat pendarahan yang banyak di dalam kaviti abdomen berpunca daripada kecederaan pada organ hati, organ pankreas dan kawasan peri-renal ginjal. Kecederaan ini secara lazimnya menyebabkan kematian.

[84] Kecederaan-kecederaan pada organ-organ ini adalah disebabkan oleh kudrat dari objek tumpul seperti batu, kayu, tendangan, tumbukan, pijakan dan seumpamanya. lanya diakibatkan oleh kudrat yang kuat dan mungkin dilakukan berkali-kali. SP9 juga menyatakan kecederaan tersebut boleh diakibatkan oleh seorang dewasa. Kecederaan dalaman tersebut adalah tidak mungkin sama sekali dilakukan oleh perlakuan si mati atau akibat si mati terjatuh.

[85] Adalah jelas bahawa keterangan SP9 di atas telah menyokong serta menguatkan lagi keterangan SP18. Menyentuh mengenai keterangan sokongan ini, mahkamah di dalam kes in *R v Baskerville* [1916] 2 KB 658 di ms 667 menyatakan seperti yang berikut:

> *Evidence in corroboration must be independent testimony which affects the accused by connecting or tending to connect him with the crime. In other words, it must be evidence which implicates him, that is, which confirms in some material particular not only the evidence that the crime has been committed but also that the prisoner committed it.*

[86] Pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh adalah bersifat *alibi*. Tertuduh di dalam keterangannya menyatakan bahawa pada masa kejadian ini berlaku tertuduh berada di luar rumah dan tidak berada di tempat kejadian. Tertuduh menunding jari kepada SP17 yang dikatakan telah menyebabkan kecederaan dan kematian si mati. Namun begitu, tertuduh gagal untuk memberi notis kepada pihak pendakwaan untuk membolehkan pihak polis menjalankan siasatan terhadap *alibi* tersebut. Maka dengan itu pembelaan tertuduh hanyalah bersifat penafian semata-mata (*bare denial*) yang kami dapati tidak menimbulkan sebarang keraguan yang menasabah.

[87] Disimpulkan, terdapat keterangan melimpah ruah yang mengaitkan penglibatan tertuduh dengan pembunuhan ini sepertimana yang telah diputuskan oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana. Kami bersetuju dengan dapatan tersebut dan kami tidak berhasrat untuk mengusiknya.

[88] Tertuduh di dalam pembelaannya mengatakan bahawa pada 31 Januari 2018 lebih kurang pukul 9 malam, SP17 ada memberitahu tertuduh bahawa SP17 ingin masuk ke bilik untuk uruskan Aiman dan Amjad. Selepas itu tertuduh telah keluar dari rumah untuk membeli barang iaitu roti dan dua bungkus nasi.

[89] Pada hemat kami, pembelaan yang dimajukan oleh tertuduh ini adalah rekaan terbarunya dan suatu pemikiran terkemudian sahaja. Tertuduh tidak pernah mencadangkan kepada SP17 (semasa SP17 memberikan keterangannya di peringkat pendakwaan) bahawa tertuduh ada keluar rumah untuk membeli roti dan dua bungkus nasi.

[90] Tertuduh juga tidak pernah mencadangkan kepada SP18 bahawa tertuduh berada di luar rumah ketika kejadian ini berlaku. Apa yang dicadangkan oleh tertuduh kepada SP18 hanyalah SP17 adalah orang yang telah mencederakan dan mengakibatkan kematian kepada si mati namun cadangan ini telah dinafikan oleh SP18 yang merupakan saksi mata yang melihat sendiri perbuatan tertuduh terhadap si mati. Di dalam usaha tertuduh untuk melepaskan dirinya daripada pertuduhan ini, tertuduh telah menunding jari pula kepada SP17 dan cuba untuk meletakkan atau memindahkan bebanan perlakuannya itu ke atas bahu SP17 sebagai pelaku jenayah. Malangnya, percubaan tertuduh ini tidak membuahkan apa-apa hasil yang diharapkannya. Penafian kosong dan pembohongan yang dilakukan oleh tertuduh ini tidak sama sekali menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah tetapi disebaliknya telah menguatkan lagi keterangan kes pendakwaan.

[91] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan* [2014] 1 MLJ 363; [2013] 8 CLJ 359 memutuskan seperti berikut:

> Penafian jika tidak disokong oleh keterangan yang kukuh dan boleh dipercayai adalah 'self-serving assertion' yang tidak mempunyai apa-apa nilai keterangan di sisi undang-undang.

[92] Pembohongan yang dilakukan oleh tertuduh ini telah meneguhkan lagi keterangan kes pendakwaan. Mahkamah di dalam kes *Kurchang Singh Wedhawa Singh v Public Prosecutor* [1989] MLJU 3; [1989] 2 CLJ 442 memutuskan seperti berikut:

corroboration may come from the other prosecution witnesses or from the accused. Deliberate lies or incriminating conduct in a material particular can constitute corroboration.

[93] Pada hemat kami juga tiada alasan mengapa SP18 harus berbohong di dalam keterangannya tentang perbuatan tertuduh membunuh si mati. Tertuduh mengatakan bahawa dia tidak tahu kenapa SP18 memberi keterangan di mahkamah bahawa tertuduh yang memukul dan mendera si mati. Mengikut tertuduh lagi, mungkin SP18 sangat sedih kerana adik perempuannya (si mati) sudah meninggal dunia dan dia marah dengan tertuduh kerana tidak selamatkan adiknya. Mungkin juga kerana bekas isteri tertuduh yang menghasut serta mereka-reka cerita dan memaksa SP18 untuk menuduh tertuduh kerana bekas isteri tertuduh dan mertuanya sangat benci kepada tertuduh disebabkan hak penjagaan. Pada hemat kami, pembelaan sebegini hanyalah bersifat kemungkinan semata-mata dan tidak boleh dipercayai sama sekali. Keterangan berbentuk kemungkinan adalah sangat lemah seumpama *rapuhnya sarang labah-labah* yang tidak sedikit pun menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

[94] Keterangan tertuduh bahawa dia percaya isterinya ('SP17') yang telah mencederakan dan mendera si mati semasa tertuduh keluar dari rumah pada malam kejadian untuk membeli barang hanyalah juga merupakan keterangan kosong sahaja yang tidak mampu menggoyah kemantapan keterangan SP18.

[95] Keterangan SP18 bahawa pada 31 Januari 2018 lebih kurang pukul 8 malam, SP18 dan si mati pergi mengaji dengan satu perempuan Melayu yang tinggal berhadapan rumah dan mereka pulang dari mengaji lebih kurang pukul 8.30 malam memperteguhkan lagi keterangan kes pendakwaan bahawa tertuduh sememangnya berada di rumah selepas pukul 8.30 malam kerana tertuduh tahu SP18 dan si mati telah pulang dari mengaji pada malam kejadian. Malah, semasa pemeriksaan balas tertuduh juga bersetuju bahawa tertuduh berada di ruang tamu bersama si mati dan SP18 pada malam tersebut.

[96] Apabila tertuduh disoal balas berkenaan barang apa yang dibeli, tertuduh menjawab telah membeli roti dan dua bungkus nasi untuk orang di rumah. Keterangan ini amat sukar diterima setelah kami mengambil pertimbangan keterangan SP17 dan SP18 yang mengatakan bahawa SP18 dan si mati telah makan sebelum mereka berdua pergi mengaji pada pukul 8 malam tersebut.

[97] Tertuduh di dalam keterangannya bersetuju bahawa keterangan dia ada keluar rumah pada malam tersebut (dari pukul 8.30 malam sehingga 11.30 malam 31 Januari 2018) adalah penting untuk dimasukkan ke dalam laporan polis (eksh P1 bertarikh 1 Februari 2018) atau dimaklumkan kepada pihak

polis semasa siasatan namun tertuduh tidak berbuat demikian. Ini jelas menunjukkan bahawa keterangan tertuduh semasa perbicaraan yang mengatakan bahawa dia ada di luar rumah pada masa yang material tersebut adalah suatu pemikiran terkemudian sahaja yang sewajarnya ditolak.

[98] Mengikut tertuduh, pada 31 Januari 2018 lebih kurang pukul 10.30 malam, tertuduh telah pergi ke bilik si mati macam biasa untuk membaca doa sebelum tidur. Apabila tertuduh masuk ke dalam bilik si mati, tertuduh nampak si mati sedang baring di atas katil. Tertuduh cuba kejutkan si mati beberapa kali kerana tertuduh ingat si mati telah tidur sebelum membaca doa. Namun si mati tidak memberikan apa-apa tindak-balas dan tidak sedarkan diri.

[99] Pada hemat kami, versi pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh ini adalah rekaannya semata-mata. Keterangan ini telah disangkal atau dipatahkan oleh SP18. Tidak ada sebab kenapa SP18 hendak berbohong tentang perkara sebesar ini. Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana dalam membuat penilaian keterangan SP18 menyimpulkan seperti berikut di dalam alasan penghakimannya:

> Keterangan saksi mata, SP18 yang berada di ruang tamu rumah tersebut dan melihat sendiri bagaimana OKT telah memijak perut, menolak Si mati dengan kaki dan menendang Si mati dengan kuat sehingga terkencing serta mengangkat Si mati dan mencampak Si mati di atas tilam di ruang tamu rumah tersebut, jelas tidak tercabar.

[100] Keterangan SP18 tentang kejadian ini turut disokong oleh keterangan SP17. Mengikut SP17 semasa SP17 tidur dalam biliknya lebih kurang pukul 11 malam, SP17 telah terdengar suara jeritan yang kuat dan oleh sebab itu SP17 keluar dari bilik dan pergi ke dapur dan terlihat si mati terbaring dalam bilik air. Nyata keterangan saksi-saksi pendakwaan berkaitan perkara ini adalah meyakinkan berbanding dengan keterangan tertuduh yang hanyalah sekadar rekaan sahaja bagi menyelamatkan dirinya daripada pertuduhan yang dihadapinya ini.

[101] Menurut tertuduh, semasa SP17 dukung dan mandikan si mati, si mati masih hidup kerana lepas dimandikannya, si mati telah sedar dan pada masa itu SP17 telah tanya si mati apa yang telah berlaku. Si mati telah menjawab 'Baba tidak buat apa-apa'. Kejadian ini berlaku di dalam bilik air di mana tertuduh dan SP17 berada di sisi si mati.

[102] Mengambil kesempatan daripada keterangan SP17 ini, tertuduh nampaknya cuba untuk mengatakan bahawa tertuduh tidak pun menyentuh si mati untuk dibawa ke bilik air sedangkan SP18 sendiri nampak tertuduh telah menyepak si mati dari ruang tamu sehingga ke bahagian dapur. Tertuduh cuba

untuk melepaskan diri dengan meletakkan kesalahan kepada SP17 sedangkan SP18 menyaksikan segala-galanya. Malah, SP17 juga menyatakan bahawa tertuduh telah dudukkan si mati, memangku si mati, dan selepas si mati terbatuk, tertuduh telah menekan tekan perut si mati dan keluar lendir dari mulut si mati.

[103] Di sini jelas terserlah pembohongan tertuduh jika diamati keterangan awal tertuduh kepada SP16 dan kandungan laporan polis yang dibuat oleh tertuduh (eksh P1) bila tertuduh mengatakan bahawa bila dia masuk ke dalam bilik si mati, si mati sudah dikatakan tidak sedarkan diri dan tidak bernafas lagi. Tertuduh juga berusaha untuk memberi bantuan CPR pada si mati namun tiada tindak balas daripada si mati sedangkan keterangan pendakwaan membuktikan bahawa si mati telah tersedar dan ada bercakap semasa di dalam bilik air. Adalah jelas tertuduh telah menyembunyikan perkara sebenar yang berlaku daripada pengetahuan SP16.

[104] Malah semasa SP18 disoal balas oleh pihak pembelaan, SP18 bersetuju dengan cadangan pihak pembelaan bahawa tertuduhlah yang telah cuba mengeluarkan kahak yang tersangkut di kerongkong si mati dan tertuduh jugalah yang telah menukar baju si mati. Namun, semasa di peringkat pembelaan, tertuduh menafikan segala-galanya. Jelas keterangan tertuduh ini merupakan suatu penafian semata-mata yang sewajarnya tidak diterima.

[105] Di dalam kes *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Raja Azlan Shah KHN telah memutuskan seperti yang berikut:

> The defence was, in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High Court came, in our view, to the correct conclusion that this denial did not cast a doubt on the prosecution case against the appellant.

[106] Di dalam *Public Prosecutor v Lim Chooi Huat & Anor* [2011] MLJU 852, mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> I am of the view that OKT2 is an unreliable witness and his evidence is unacceptable. OKT2's evidence was riddled with bare denials. And it is settled law that a bare denial is not a defence: see the Federal Court case of *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195.

[107] Manakala di dalam kes *Thiagarajan Selvam lwn PP* [2014] 1 LNS 1796, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Mohtarudin Baki HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

[12] Perayu memilih untuk memberi keterangan TANPA sumpah dari kandang tertuduh. Tiada saksi lain atau apa-apa keterangan dokumentari dibawa masuk. Perayu menafikan berada di tempat kejadian seperti pertuduhan. Pembelaan sebegini adalah 'bare denial' dan bukan pembelaan alibi (rujuk *Vasan Singh v Public Prosecutor* [1988] 3 MLJ 412; [1989] 1 CLJ Rep 166). Hakim bicara adalah khilaf apabila menganggap pembelaan berbentuk alibi (rujuk ms 146 RR perenggan pertama). Walau bagaimanapun kekhilafan ini tidak mencacatkan sabitan, ini kerana Hakim bicara juga memutuskan pembelaan adalah 'bare denial' di mana Hakim bicara telah merujuk kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324; [1980] CLJU 212; [1980] 1 LNS 212 di ms 145 RR. Kami bersetuju bahawa pembelaan adalah 'bare denial'/penafian semata-mata.

[13] Secara ringkas pembelaan perayu bahawa pada hari kejadian perayu telah datang ke Johor Bahru untuk berjumpa seorang bernama 'Boy' dengan tujuan membeli dadah. Semasa berjumpa dengan 'Boy' di bilik hotel yang disewa oleh 'Boy' Perayu ada melihat 'Boy' memegang sepucuk pistol tetapi perayu tidak bertanya lebih lanjut. Selepas mendapat bekalan dadah, perayu telah pulang ke Tampin dengan menaiki bas.

[14] Kami bersetuju sebulat suara, bahawa pembelaan hanyalah merupakan penafian semata-mata, ianya tidak berupaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Di dalam kes *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324; [1980] CLJU 212; [1980] 1 LNS 212: 'A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient'.

[108] Setelah kami meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan di peringkat kes pendakwaan dan juga di peringkat kes pembelaan, kami mendapati bahawa keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan adalah sangat utuh dan tiada keraguan munasabah yang berjaya ditimbulkan oleh pihak pembelaan terhadap kebenaran kes pendakwaan tersebut. Jelas, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah.

[109] Dengan itu kami sebulat suara mendapati tiada merit di dalam rayuan terhadap sabitan ini bagi mewajarkan kami campurtangan terhadap keputusan yang telah dibuat oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana.

[110] Sabitan adalah selamat untuk dikekalkan. Rayuan perayu/tertuduh terhadap sabitan ditolak.

HUKUMAN

[111] Ini adalah suatu kejadian pembunuhan yang sangat menyayat hati dan menyentuh perasaan. Kami katakan sebegitu kerana anak perempuan tertuduh yang hanya berusia sembilan tahun telah diperlakukan secara zalim oleh ayahnya sendiri dan akhirnya anak kecil ini mati akibat perbuatan ayahnya sendiri.

[112] Sewajarnya diulangi dan ditekankan bahawa sebelum si mati menemui ajalnya, si mati telah disuruh 'pumping' dan 'sit up' sebanyak 500 kali, dipijak beberapa kali di bahagian perut si mati, ditolak si mati dengan kaki dan ditendang dengan kuat sehingga si mati terkencing di dalam seluar celoreng pendek yang dipakainya di atas karpet di ruang tamu rumah tersebut. Tidak puas dengan seksaan itu, tertuduh menyuruh si mati bangun. Arahan ayah dipatuhi oleh anak kecil ini. Meskipun berada di dalam keadaan yang sangat lemah dan tidak bermaya, si mati cuba juga untuk bangun berdiri tetapi belum sempat simati berbuat demikian, tertuduh telah memegang kedua-dua kaki dan tangan si mati, mengangkat si mati dan kemudiannya mencampakkan si mati ke atas tilam bayi yang ada di atas lantai di ruang tamu rumah tersebut. Masih tidak reda dengan seksaan yang dilakukannya itu, tertuduh memegang pula kedua-dua telinga si mati tarik ke atas dan menghantuk kepala si mati ke lantai. Namun si mati tetap bangun dan cuba berjalan menuju ke bilik air. Setelah si mati bangun berdiri, sekali lagi tertuduh telah bertindak menendang si mati dari belakang sehingga menyebabkan si mati terjatuh di tepi peti ais di ruang dapur. Berbekalkan dengan baki kekuatan yang masih ada, si mati bangun juga dan berjalan menuju ke bilik air. Semasa di bilik air, si mati yang berada di dalam keadaan yang sangat lemah telah jatuh dan terbaring di dalam billik air.

[113] Si mati terbatuk lalu kahak keluar daripada mulutnya dan apabila si mati kelihatan sedikit tersedar, didapati penglihatannya sudah pun pudar. Terkejut dengan jeritan kuat tertuduh, ibu tiri si mati ('SP17') telah keluar dari bilik tidurnya dan melihat si mati terbaring di bilik air. SP17 cuba untuk bercakap dengan si mati dan si mati yang ketika itu tersedar memberitahu SP17 bahawa semua badannya sakit. Si mati juga kata dia tak nampak apa-apa dan tangannya kelihatan meraba-raba mencari SP17. Diringkaskan, si mati kemudiannya telah menghembuskan nafas terakhirnya. Bedah siasat mendapati terdapat 32 kesan kecederaan luaran dan pendarahan dalaman yang banyak terdapat di dalam kaviti abdomen pada jasad si mati yang menjadi punca kematian si mati.

[114] Kronologi peristiwa yang kami bentangkan di atas ini jelas menunjukkan bahawa kematian yang berlaku ini adalah sesuatu yang amat menyeksakan. Dimanakah letaknya sifat perikemanusiaan, kewarasan, rasa ehsan dan kasih sayang seorang ayah terhadap anaknya? Si mati ini dilihat seolah-olah tidak ada sedikit pun nilai di mata dan hati tertuduh sehingga si mati boleh diperlakukan sedemikian rupa.

[115] Oleh itu pada hemat kami, hukuman berat sewajarnya dikenakan sebagai amaran keras dan pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat umum agar jangan sesekali terlibat melakukan kesalahan bunuh sekejam ini kepada sesiapa sekali pun apatah lagi kepada darah daging sendiri.

[116] Mengenai statistik kejadian bunuh di negara ini, kami ingin memetik kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin bin Husain yang disiarkan di dalam laporan akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 16 Ogos 2024 di mana beliau dilaporkan berkata seperti berikut:

> Secara purata lima kes bunuh berlaku dalam seminggu di negara ini dalam tempoh tiga tahun sejak 2021 hingga Jun lalu. Jumlah itu membabitkan sebanyak 860 kes dicatatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di seluruh negara dalam tempoh berkenaan. Mengikut rekod, jumlah kes tersebut melibatkan 947 mangsa yang sebahagian besar melibatkan golongan lelaki iaitu seramai 729 orang. Kesemua 860 kes yang dilaporkan melibatkan 243 kes pada 2021; 240 kes (2022), 258 kes (2023) manakala 119 kes bagi enam bulan pertama tahun ini (2024).

[117] Akhir sekali, kami menyedari bahawa Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) yang berkuat kuasa pada 4 Julai 2023 memberi kami kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman mati atau pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun dan sekiranya tidak dijatuhkan hukuman mati, hendaklah juga dihukum dengan sebatan tidak kurang 12 kali.

[118] Kami telah menimbangkan kesemua faktor-faktor peringanan dan pemberatan hukuman bagi memastikan agar hukuman yang dijatuhkan ini adalah setimpal dan berpadanan dengan kesalahan yang telah dilakukan.

[119] Setelah diperhalusi dari semua sudut fakta dan perundangan, kami sebulat suara memutuskan seperti yang berikut:

> Rayuan perayu/tertuduh terhadap hukuman ditolak. Keputusan Mahkamah Tinggi terhadap hukuman dikekalkan.

[120] Sehubungan dengan itu, tertuduh hendaklah dibawa ke suatu tempat penggantungan di mana di sana tertuduh akan dikenakan hukuman gantung sampai mati.

Rayuan tertuduh terhadap sabitan dan hukuman ditolak; keputusan Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar